

GRAFFITI®
© 1991 United Feature Syndicate, Inc.
All Rights Reserved. No part of this publication may be reproduced without the prior written permission of the copyright owner.

WHEN
THE PAST
ARGUES
WITH THE
PRESENT,
THE
FUTURE
LOSES

M&A

10/2

DAILY EXPRESS
16hb Oktober 1991
M. 12

(Bila mata lalu bertelagah
dengan masa kini, masa depan akan rugi.)

20 PERKARA

DAKWAAN PENYELEWENGAN DAN ULASAN

20 PERKARA
DAKWAAN PENYELEWENGAN DAN ULASAN

Oleh

PANDIKAR AMIN HAJI MULIA

Kota Kinabalu, Sabah

1992

Cetakan Pertama, Oktober 1992

Terbitan dan hakcipta © 1992 oleh Pandikar Amin Haji Mulia

Tingkat Bawah, Lot 3, Paramount Industrial Development,
Jalan Kolombong, 88450 Kota Kinabalu, Sabah

Hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari pemegang hakciptanya.

Dicetak di Kota Kinabalu oleh

SQS Printing Sdn. Bhd.
P.O. Box 11031, 88811 Kota Kinabalu, Sabah
No. 4, 10A & B, Mosque Valley
Jalan Masjid Lama, 88000
Kota Kinabalu, Sabah

Rekabentuk Kulit dan Pembacaan Pruf: Raymond Boin Tombong

*PENDAPAT PENULIS TIDAK SEMESTINYA
PENDAPAT ANGKATAN KEADILAN RAKYAT*

M
320.9595
PAN

M 705849

18 JUL 1994

KANDUNGAN

MUKADIMAH	1
PERKARA 1: AGAMA	10
PERKARA 2: BAHASA	16
PERKARA 3: PERLEMBAGAAN	22
PERKARA 4: KETUA PERSEKUTUAN	28
PERKARA 5: NAMA PERSEKUTUAN	29
PERKARA 6: IMIGRESEN	30
PERKARA 7: HAK UNTUK BERPISAH	36
PERKARA 8: PEMBORNEOAN	41
PERKARA 9: PEGAWAI BRITISH	51
PERKARA 10: WARGANEGARA	52
PERKARA 11: TARIF DAN KEWANGAN	60
PERKARA 12: KEDUDUKAN ISTIMEWA KAUM BUMIPUTRA	65
PERKARA 13: KERAJAAN NEGERI	69
PERKARA 14: TEMPOH PERALIHAN	70
PERKARA 15: PELAJARAN	72
PERKARA 16: PERLINDUNGAN PERLEMBAGAAN	81
PERKARA 17: PERWAKILAN DALAM KERAJAAN PERSEKUTUAN	84
PERKARA 18: GELARAN KETUA NEGARA	86
PERKARA 19: NAMA NEGERI	88
PERKARA 20: TANAH, HUTAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN LAIN-LAIN	89
KESIMPULAN	90

PRAKATA

Sewaktu Borneo Utara atau Sabah dicadangkan untuk menyertai pembentukan sebuah negara baru yang diberi nama Malaysia, suatu pungutan suara atau "referendum" telah diadakan. Pungutan suara ini telah dikendalikan oleh sebuah suruhanjaya yang telah dibentuk oleh kerajaan Malaya dan British. Suruhanjaya tersebut (Suruhanjaya Cobbold) mendapati bahawa rakyat negeri Sabah dan Sarawak pada keseluruhannya menyetujui pembentukan negara Malaysia. Suruhanjaya ini telah mencadangkan penubuhan sebuah jawatankuasa untuk "menyusun perlembagaan persekutuan yang baru dan perlindungan khas untuk Borneo Utara dan Sarawak." Cadangan ini telah di terima oleh kedua-dua kerajaan yang berkenaan dan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatan Antara-Kerajaan atau Inter-Government Committee (IGC) telah ditubuhkan.

Ekoran daripada laporan Suruhanjaya ini, pemimpin-pemimpin lima buah parti politik yang baru ditubuhkan iaitu UNKO, USNO, United Party, Demokratik Party dan United Pasok Momogon Organisation telah berunding sesama sendiri untuk kebaikan bersama dan dalam parti politik ini telah menandatangani dan mengemukakan satu memorandum kepada pihak yang berwajib (IGC) satu senarai syarat-syarat penyertaan Sabah dalam pembentukan negara Malaysia. Syarat-syarat inilah yang dipanggil 20 PERKARA.

Sejak Sabah merdeka melalui Malaysia sehingga bulan Januari 1987, 20 PERKARA ini tidak pernah dibangkitkan secara umum oleh man-mana pihak. Tetapi sejak kebelakangan ini ada golongan tertentu yang telah menzahirkan perasaan secara umum bahawa 20 PERKARA ini telah diabaikan atau diselewengkan oleh kerajaan pusat.

Dalam buku ini saya memaparkan "penyelewengan-penyelewengan" yang diungkit oleh golongan-golongan yang tertentu ini dan di bawah tajuk "Dakwaan Penyelewengan" diikuti dengan "Ulasan".

Buku ini ditulis dengan ringkas supaya mudah difahami. Adalah diharapkan semoga pendapat ringkas (ulasan) yang tidak merangkumi semua aspek ini dapat memberi gambaran yang jelas bahawa tuduhan-tuduhan penyelewengan 20 PERKARA itu tidak semestinya benar.

Semoga buku ini akan membawa kefahaman yang lebih rasional dan dapat membantu para pembaca membuat penilaian yang jitu, siapakah yang bercakap benar?

PAHM

Kota Kinabalu
November 1992.

MUKADIMAH

Isu 20 Perkara telah menarik minat pelbagai pihak dan menimbulkan reaksi yang berbeza dari pemimpin-pemimpin tempatan dan kerajaan pusat sejak ianya mula-mula dibangkitkan oleh Dr. Jeffrey Kitingan dalam perutusan tahun barunya pada 2hb Januari 1987. Antara lain, Dr. Jeffry dalam perutusannya itu berkata:

Tanggapan yang begitu meluas di Sabah, sama ada benar atau tidak ialah bahawa kepimpinan persekutuan mempengaruhi perkembangan politik di negeri ini yang membawa kerosakan kepada kerajaan pemerintah.

Tanggapan biasa bahawa pihak Persekutuan mencampuri hal ehwal tempatan, sekiranya tidak dibetulkan, akan membawa kesan negatif terhadap keharmonian hubungan antara penduduk Sabah dan kerajaan Persekutuan dalam jangka panjang.

Isu ini telah timbul semula apabila Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak membangkitkannya sewaktu beliau berucap dihadapan kira-kira 25,000 orang yang menghadiri Perhimpunan Pergerakan Pemuda Barisan Nasional di Tawau pada 16hb. September 1992.

Dalam ucapannya Datuk Seri Najib berkata,

PBS telah membangkitkan perjanjian 20 Perkara sewaktu penubuhan Malaysia tetapi Sarawak yang juga menandatangani perjanjian yang sama telah tidak membangkitkan perkara ini dan cuma meminta satu perkara - untuk berkerjasama.

Walaupun perkara ini telah menjadi satu tajuk perbincangan yang popular di kalangan rakyat negeri Sabah yang berbilang bangsa dan agama, namun bukan semua, terutama sekali mereka yang telah dilahirkan pada awal tahun 60an dan tahun-tahun kemudiannya, faham dengan isu ini tanpa merujuk kepada sejarah dan dokumen-dokumen yang berhubung dengan kemasukan Borneo Utara ke dalam Malaysia. Malahan ada di antara rakyat Sabah yang tidak tahu langsung dengan kewujudan 20 Perkara ini.

Untuk mereka yang berkenaan, di bawah ini dipaparkan sejarah ringkas pembentukan negara Malaysia.

Isu Perjanjian 20 perkara: Memo akan dikemukakan kepada pusat-Jeffrey

KOTA KINABALU, Rabu. — Pengerusi Institut Kajian Pembangunan Sabah Dr Jeffrey Kitingan berkata beliau akan mengemukakan memorandum kepada Kerajaan Persekutuan dengan menyenaraikan apa yang dikatakannya "kegagalan" Kerajaan Persekutuan mematuhi Perjanjian 20 perkara berhubung dengan kemasukan Sabah dalam Malaysia.

Laporan akhbar Daily Express hari ini mengutip Dr Kitingan sebagai berkata beliau berpegang kepada kenyataan pada 3 Jan mengenai perkara itu yang menimbulkan kontroversi.

Menurut kenyataan kepada akhbar berkenaan, Dr Kitingan yang juga Pengarah Yayasan Sabah menuduh Kerajaan Persekutuan mengabaikan hak-hak tempatan.

Perjanjian itu antara lain mencakupi perkara seperti agama, bahasa, kewarganegaraan dan kedudukan kaum negeri ini.

Dr Kitingan tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan ulasan lanjut walaupun pembantu nyanya di pejabat berkata pagi ini bahawa beliau berada di pejabat darisibuk sepanjang hari.

Dr Kitingan berkata memorandum itu akan dirumuskan dengan teliti sebelum dikemukakan kepada pihak Kuala Lumpur.

Pada Isnin lepas, Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba berkata Kerajaan Persekutuan bersedia mengklarifikasi apa yang dikemukakan bagi 3-



Dr. Jeffrey Kitingan

menyatakan persidanganologi di sini. Ketua Menteri berkata kenyataan Dr Kitingan mengenai perkara itu merupakan pandangan peribadinya dan tidak mencerminkan pandangan Kerajaan Negeri.

Pergerakan Pemuda UMNO memandang serius kenyataan itu dan menyifatkannya tidak positif ke arah pembangunan negara.

Pada 5 Jan lepas, Haji Ibrahim Ali, anggota Exco pergerakan itu menggesa Dr Kitingan berbincang mengenai perkara itu secara lektual.

emosi.

Beliau yang juga anggota Parlimen Pasir Mas berkata kenyataan itu boleh mencetuskan perbalahan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terutama semasa usaha dijalankan ke arah pencapaian matlamat integrasi nasional.

Walau bagaimanapun, sesetengah pemimpin dalam Parti Bersatu Sabah (PBS) terutama sayap Pemuda

malang
DAILY EXPRESS
14 Januari 1987

KERAJAAN PUSAT SEDIA TELITI DAKWAAN

13.1.87

PERJANJIAN SABAH DISELEWENG

KUALA LUMPUR, 13 Jan. —
Terdahulu Menteri Besar,
Enrik Ghafar Patah berkata,
bekas Menteri Besar,
bendahara negara yang
dikatakan telah mengabaikan
Kerajaan Pusat terhadap
perjanjian 26 perkara
pernyataan Sabah ke dalam
Malaysia.

Beliau yang juga Naib Presiden
UMNO bagaimanapun berkata
pihak yang membuat dakwaan

itu tidak dapat membuktikan
perjanjian itu telah
dibahaskan
Pihak yang mengemukakan
dakwaan itu tidak mengemukakan
sebarang bukti kepada
Pusat mengenai pemelantaran
yang dikatakan itu supaya dapat
diteliti. Beliau berkata para
pembuat selalunya memajukan
Kongres Sukatan Sabah yang di
Genting Highlands, dekat sini
Pengerusi Institut Penyelidikan

dan penyelidikan Sabah (IPSS) yang
dipengerusinya ialah Dr. Dato
Musa Hitam berkata, "Banyak
sah-sahsatan telah dibuat oleh
para bekas Kerajaan Pusat tidak
menutuh perjanjian itu dan
alibi kepada rakyat Sabah tidak
pujahati terhadap Kerajaan
Pusat.

Enrik Ghafar berkata, jika pihak
yang berkenaan ingin
bertemu dengan pihak Pusat
mengatas perkara itu, ia boleh
dudukkan pada bila-bila masa.

Sementara itu, Naib Ketua
Pergerakan Pemuda UMNO
Malaysia, Datuk Sri Najib Tun
Razak ketika diminta mengulas
berkata perkara perjanjian itu
tidak harus digembar-
gemburkan.
"Ia menenteh atas pembehan
Malaysia yang sudah pun
berjalan dengan baik dan
seluruh rakyat negara ini
sedelalu..."

Kerajaan Pusat telah
menyatakan bahawa perjanjian
itu telah dibuat secara rasmi
dan ia adalah satu perjanjian
yang sah dan tidak boleh
dikatakan jika seseorang itu
diperbesar-besarkan ia tidak
menyebabkan negara.
Datuk Sri Najib berkata
Pergerakan Pemuda UMNO
bendahara berjumpa dengan pihak
yang berkenaan untuk
membincangkan perkara itu
secara tertutup.

Sementara itu Ketua Pemuda
Sabah, Datuk Puteh Khatun
berkata kenyataan Dr. Jeffrey
bukan kenyataan rasmi
kerajaan negeri.
"Kalau ia kenyataan kerajaan
negeri, maka ia mesti
dari saya..."

UTUSAN MALAYSIA 13 Jan. '87

SABAH MASUK MALAYSIA

Pada 27hb Mei, 1961 Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, telah menghadiri majlis makan tengahari di Singapura yang dianjurkan oleh FOREIGN CORRESPONDENTS' ASSOCIATION OF SOUTH-EAST ASIA sebagai tetamu kehormat. Sewaktu menyampaikan ucapannya dalam majlis itu, Tunku telah mencadangkan pergabungan lima negara dalam bidang politik dan ekonomi. Negara-negara ini ialah Malaya, Singapura, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak. Kata beliau:

Sebagai sebuah negara, Malaya sekarang sedar bahawa ia tidak boleh berdiri berseorangan dan mengasingkan diri. Malaya mesti mempunyai tapak yang luas di luar politik antarabangsa. Lambat-laun Malaya mesti mempunyai kesefahaman dengan Britain dan rakyat Singapura, North Borneo, Brunei dan Sarawak. Adalah terlalu awal bagi saya untuk mengatakan sekarang cara kesefahaman erat itu boleh dicapai, tetapi ia tidak boleh dielakkan, kita mesti memandang ke hadapan ke arah mencapai objektif ini dan memikirkan bagaimana caranya wilayah-wilayah ini dapat digabungkan bersama dalam politik dan ekonomi.

-Tunku Abdul Rahman

Cadangan Tunku itu mendapat sambutan baik di kalangan pemimpin-pemimpin negara-negara yang berkenaan. Donald Stephens umpamanya, seorang Ahli Majlis Undangan Borneo Utara yang berpengaruh dan disegani telah bertungkus lumus untuk menjayakan cadangan Tunku itu, walaupun pada mulanya beliau menentang penubuhan Malaysia.

Pada bulan Julai, 1961 **Persidangan Persatuan Ahli-Ahli Parlimen Komanwel (Commonwealth Parliamentary Association)** yang diadakan di Singapura, antara lain, telah membincangkan soal pembentukan negara Malaysia dengan serius.

Persidangan tersebut telah memutuskan bahawa suatu jawatankuasa hendaklah ditubuhkan untuk:

- (a) Mengumpul dan menilai pendapat dan pandangan tentang penubuhan negara Malaysia;

- (b) Menyebar maklumat mengenai soal penubuhan negara Malaysia;
- (c) Menganjur dan menggalakkan perbincangan mengenai soal penubuhan negara Malaysia; dan
- (d) Merancang kegiatan-kegiatan yang boleh memaju dan mempercepatkan proses penubuhan Malaysia.

Jawatankuasa ini telah dinamakan **Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia** atau **Malaysia Solidarity Consultative Council (MSCC)** dan sebagai pengiktirafan kepada sumbangannya ke arah pencapaian cadangan Tunku, Donald Stephens telah dilantik sebagai pengerusinya.

Ahli-ahli jawatankuasa itu adalah terdiri dari wakil-wakil dari Singapura, Sarawak dan Brunei sebagai pemerhati.

SURUHANJAYA COBBOLD

Setelah cadangannya mendapat sambutan yang menggalakkan, Tunku Abdul Rahman berangkat ke London untuk mengadakan perbincangan dengan kerajaan British mengenai pembentukan negara Malaysia. Misi Tunku itu telah berjaya. Kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British telah bersetuju bahawa sebelum sesuatu keputusan muktamad dibuat tentang penubuhan Malaysia, pendapat dan pandangan rakyat Borneo Utara dan Sarawak perlu diambil kira. Bagi maksud itu, satu suruhanjaya perlu ditubuhkan untuk menjalankan tugas untuk:

- (a) Mengetahui pendirian rakyat Borneo Utara dan Sarawak berhubung dengan soal cadangan penubuhan negara Malaysia; dan
- (b) Mengesyorkan cadangan-cadangan (membuat rekomendasi) kepada kedua-dua kerajaan ini setelah membuat penyelidikan terhadap pendirian rakyat Borneo Utara dan Sarawak.

Suruhanjaya ini ditubuhkan pada 16hb Januari 1962 dan dipengerusikan oleh **Lord Cobbold** (maka sebab itulah dinamakan Suruhanjaya Cobbold) dan setelah menyelenggarakan penyiasatannya di Borneo Utara dan Sarawak selama lebih kurang dua bulan dari 19hb Februari 1962 sehingga 17hb April 1962 melaporkan:



Gambar menunjukkan anggota-anggota Suruhanjaya Cobbold yang telah dihantar ke Sabah untuk menentukan hasrat rakyat mengenai kemasukan Sabah ke dalam Persekutuan Malaysia sebanyak mereka di Lapangan Terbang Kota Kinabalu pada 25hb Februari, 1962. Suruhanjaya ini mendapat bahu rakyat Sabah dengan sebulat suara berhasrat untuk memasuki Malaysia.

Pengenalan dari kini: Sir Anthony Abell, Tan Sri Mohd Ghazali bin Shafie, Lord Cobbold (Pengerusi), Datuk Wong Pow Nee dan Sir David Watherston.

Lebih kurang satu pertiga daripada penduduk setiap wilayah menyokong kuat pembentukan Malaysia dengan segera tanpa menghiraukan tentang syarat-syarat. Sepertiga pula, kebanyakan mereka bersetuju dengan projek Malaysia, bertanya, dengan penekanan yang berbeza, tentang syarat-syarat dan perlindungan yang berlainan sifat dasar dan darjat yang tertentu; kehangatan sokongan dari kategori ini adalah ketara dipengaruhi oleh ketegasan penyampaian pendapat oleh kerajaan bahawa peraturan terperinci yang akan dipersetujui kemudian adalah untuk kepentingan (kebaikan) wilayah itu. Manakala satu pertiga lagi, terbahagi kepada dua kumpulan; ada yang mendesak untuk merdeka dahulu sebelum penubuhan Malaysia dipertimbangkan dan ada yang mahu supaya kerajaan Britain (penjajah) ditenaskan untuk beberapa tahun lagi.

Laporan ini dibuat setelah suruhanjaya itu menerima tidak kurang dari 2,200 pucuk surat dan memorandum daripada parti-parti politik, ahli-ahli majlis mesyuarat kerajaan dan undangan, pembesar-pembesar anak negeri dan pemimpin-pemimpin kaum, lembaga bandaran, majlis bandaran, pemimpin-pemimpin agama, kesatuan sekerja dan sebilangan besar orang ramai.

Di samping menerima memorandum, suruhanjaya itu juga telah menemui ramai individu yang telah memberikan keterangan lisan.

Sementara itu kerajaan Borneo Utara dan Sarawak telah menerbitkan kertas putih yang membentangkan gagasan Malaysia dan menerangkan dengan terperinci kepada rakyat tentang maksud penubuhan Suruhanjaya Cobbold.

Dalam laporannya juga, suruhanjaya ini telah mengesyorkan supaya kerajaan British dan Malaya menubuhkan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil-wakil dari negeri-negeri yang terlibat, iaitu kerajaan British, Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak.

Syor ini telah dipersetujui dan wujudlah **Inter-Governmental Committee** atau **Jawatankuasa Antara-Kerajaan (IGC)** yang diberi tugas untuk:

Menyusun (menggubal) perlembagaan persekutuan yang baru, dan perlindungan khas untuk Borneo Utara dan Sarawak.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Lord Lansdowne dan timbalannya Tun Abdul Razak.

Selepas sahaja penubuhannya, **Malaysia Solidarity Consultative Council (MSCC)** telah mengadakan beberapa mesyuarat dan keputusan mesyuarat-mesyuarat itu telah diutarakan oleh pengerusinya, Donald Stephens kepada Suruhanjaya Cobbold dalam bentuk memorandum pada 23hb Februari 1962 sebagai maklumat kepada suruhanjaya tersebut. Di antara lain, kandungan memorandum itu ialah soal perlindungan dan syarat-syarat Borneo Utara dan Sarawak menyertai Malaysia.

Kandungan memorandum MSCC itu dipetik oleh USNO, UNKO, United Parti, Demokratik Parti dan United Pasok Momogun Organisation dan petikan isi memorandum itu telah dijadikan sebagai satu memorandum baru yang ditandatangani oleh lima buah parti tersebut dan kemudian disampaikan kepada IGC.

Memorandum tersebut mengandungi 20 perkara sebagai syarat-syarat Borneo Utara memasuki Malaysia. Kebanyakan syarat-syarat ini diterima oleh IGC dan telah dimasukkan di dalam Perjanjian Malaysia.

Syarat-syarat inilah yang dikatakan oleh golongan yang tertentu di Sabah yang telah diselewengkan oleh kerajaan Persekutuan.

Berikut ini dihuraikan satu persatu 20 Perkara tersebut, agar pembaca dapat mengetahui latarbelakangnya, dan akhirnya memahami apakah 20 Perkara itu sebenarnya.

Jeffrey to list out the sore points

By EDDY LOK

KOTA KINABALU, Tues.
Dr. Jeffrey Kitingan today said he would submit a memorandum listing out the "deviations" and instances of non-compliance by the Federal government on the 20-Point Agreement between Sabah and Kuala Lumpur on the 22nd 1963.



Dr Jeffrey

Dr Jeffrey was chairman of the Sabah Institute for Development Studies and stated in his statement he made two weeks ago on the matter, that has kicked up a controversy.

In that statement Dr Jeffrey accused the Federal government of meddling in local affairs and said that Federal failure to observe the Agreement had been a source of unhappiness in Sabah.

Yesterday Deputy Prime Minister Enock Ghafar Baba said the Federal government was willing to examine the alleged "deviations" but said that the party which made the allegation must substantiate the "deviations" and write an official letter to enable the Federal government to study it.

"I am glad they are listening," Dr Jeffrey said.

Dr. Jeffrey will submit that of the 20-Point Agreement, 10 points and the instructions form would be prepared carefully before being sent to Kuala Lumpur.

He said Sabah had a certain degree of autonomy under the Agreement.

The 20-Points formed the basis for Sabah's entry into the Malaysian Federation in 1963.

Asked what Sabah hoped to achieve by raising the issue and sending the memorandum, Dr Jeffrey said: "We hope they will be positively responsive and review the entire agreement and return to the original spirit."

Dr Jeffrey had said while the Federal government's desire to standardise national policies should be recognised, the application of such policies in Sabah's case should be considered

KL tells Sabah study 'breach' in the 20 points

KOTA KINABALU, Mon.

The Federal Government has asked the Sabah Government to look into the 20-point agreement pertaining to the admission of Sabah to Malaysia to see whether there has been any deviation as alleged by some quarters in the state, Chief Minister Datuk Joseph Pairin Kitingan said today.

He said the study would be able to prove whether such statements were true.

Datuk Pairin was commenting on a statement by Sabah Institute of Development Studies (IDS) chairman Dr Jeffrey Kitingan recently that one of the main sources of Sabah's unhappiness with the Federal Government was the latter's apparent failure to comply with the agreement.

Dr Jeffrey had said that while the Federal Government's desire to standardise national policies should be recognised, the application of such policies in Sabah's case should be consistent with the terms of the agreement.

OFFER ON TWENTY POINTS — Federal Government willing to examine what the alleged deviations are, but the accusing party must write an official letter, says Deputy Prime Minister Ghafar Baba. (See Page 2)

would later be submitted to the federal government.

He said everyone should know the contents of the agreement so that they would understand better and be able to express their opinion.

The Chief Minister also said that the agreement was subject to review and had been reviewed from time to time.

On reports that Deputy Labour Minister Kalakau Untol might be asked to resign over certain statements he made recently, Datuk Pairin said there was no truth in the reports.

According to the reports, Encik Untol would likely be sacked for making adverse statement against the government.

"There is nothing on our side pertaining to the report. We have not discussed a replacement for the post," he said.

Speculations

Meanwhile in Subang, Deputy Labour Minister Kalakau Untol today refused to comment on speculations that he will be removed from the government.

"I don't have any statement to make", he said when approached by Bernama at the Kuala Lumpur International Airport here.

Asked whether

BAB 1

Perkara 1: AGAMA

"WALAUPUN TIADA BANTAHAN TERHADAP ISLAM MENJADI AGAMA RASMI MALAYSIA, AGAMA RASMI TIDAK ADA DI BORNEO UTARA DAN PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN ISLAM MENGIKUT PERLEMBAGAAN MALAYA HENDAKLAH TIDAK MERANGKUMI BORNEO UTARA."

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Penyelewengan ke atas syarat pertama ini berlaku apabila Dewan Undangan Negeri Sabah meminda perlembagaan negeri dengan menjadikan Islam sebagai agama rasmi pada tahun 1973. Manakala kerajaan Persekutuan pula "merestui" tindakan ini dengan memansuhkan Perkara 161C dan 161D Perlembagaan Persekutuan.

Selain dari itu, bekas Ketua Menteri, Tun Mustapha telah menerapkan dasar pengislaman dalam pentadbiran USNO dan menghantar balik paderi-paderi atau gembala-gembala agama Kristian ke negara asal masing-masing.

Kerajaan BERJAYA yang diketuai oleh Datuk Harris Salleh pula meneruskan dasar pengislaman USNO dengan menggunakan pangkat dan balak sebagai ganjaran untuk mereka yang memeluk agama Islam.

ULASAN:

Sebelum tahun 1973, negeri Sabah tidak mempunyai agama rasmi. Perkara 1 yang tersebut di atas telah dipersetujui dalam mesyuarat IGC dan telah dimasukkan di dalam Perlembagaan Malaysia di bawah Perkara 161C dan 161D.

Pada tahun 1973, DUN Sabah telah meminda kedudukan ini dengan menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah (Perkara 5A Perlembagaan Negeri Sabah). Ekoran dari tindakan ini, kerajaan

Persekutuan terpaksa memansuhkan Perkara 161C dan 161D untuk menyelaraskan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dengan Perlembagaan Negeri Sabah.

Seandainya pemansuhan Perkara 161C dan 161D dianggap sebagai penyelewengan, yang harus disalahkan ialah ahli-ahli DUN Sabah. Kalau bukan kerana tindakan mereka itu, sudah tentu kerajaan Persekutuan telah tidak memansuhkan Perkara 161C dan 161D.

Ahli-ahli DUN Sabah ketika itu adalah terdiri dari berbilang bangsa dan agama. Pemimpin-pemimpin bumiputera bukan Islam yang mewakili suku-kaum Dusun/Kadazan, Murut dan sebagainya, seperti Allahyarham Tun Fuad Stephens, mendiang Datuk Peter Mojuntin, Datuk Herman Luping, Datuk Ganie Gilong dan lain-lain, seharusnya bersikap tegas dan tidak menyokong pindaan itu. Tetapi, majoriti pemimpin suku-suku tersebut, bukan sahaja menyokong pindaan itu, tetapi ramai di antara mereka yang diketuai oleh Huguan Siou Kadazan, Donald Stephens telah memeluk agama Islam.

Kerajaan BERJAYA telah "mewarisi" dasar pengislaman ini dari USNO dan lebih ramai lagi pula pemimpin-pemimpin bumiputera bukan Islam telah memeluk agama Islam.

Golongan tertentu di Sabah mendakwa kononnya pindaan kepada Perlembagaan Negeri Sabah itu telah menghapuskan kebebasan beragama di negeri Sabah.

Tetapi tuduhan ini bercanggah dengan keadaan yang sebenar. Sejak Perkara 5A Perlembagaan Negeri Sabah berkuatkuasa, menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah, tidak ada kesan-kesan negatif kepada agama lain yang kita nampak. Rakyat negeri Sabah yang bukan beragama Islam masih bebas untuk mengamalkan agama masing-masing tanpa sebarang gangguan, sesuai dengan kehendak peruntukan Perkara 5A:

Islam adalah agama rasmi Negeri; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni di mana-mana sahaja dalam Negeri.

Kalaulah peruntukan Perkara 5A itu benar-benar bertujuan untuk mengongkong perkembangan agama lain, kenapakah sesudah PBS

berkuasa, golongan yang tertentu ini tidak mencadangkan kepada kerajaan PBS untuk memansuhkan Perkara 5A?

Pada tahun 1986, setahun selepas memenangi pilihanraya umum, kenapakah kerajaan PBS meluluskan satu pindaan kepada perlembagaan negeri yang menjadikan Yang Di Pertuan Agong sebagai ketua orang-orang Islam di Sabah? Bukankah tindakan ini merupakan persetujuan atau pengesahan kerajaan PBS terhadap agama Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah?

Lihat apa yang telah terjadi apabila orang yang beragama Kristian, Datuk Joseph Pairin Kitingan, menjadi Ketua Menteri. Bukankah gereja dan tokong Cina merebak di sana sini di seluruh Sabah seperti cendawan tumbuh? Ini adalah kerana Datuk Joseph Pairin condong kepada pembangunan dan pekembangan agama Kristian. Bukankah perbuatan Datuk Pairin sekarang ini adalah serupa dengan perbuatan Tun Mustapha dan Datuk Harris dahulu? Perbezaannya cuma, di dalam pemerintahan PBS tidak ada orang beragama Islam yang dilahirkan dalam Islam yang telah memeluk agama Kristian. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa ramai saudara baru Islam yang telah memeluk agama Islam dalam zaman kegemilangan USNO dan BERJAYA telah menjadi murtad dalam kerajaan PBS.

Bukankah kesemua ini jelas membuktikan bahawa pelaksanaan dasar pengislaman kerajaan USNO dahulu yang kemudiannya diwarisi oleh kerajaan BERJAYA itu tidak berhubungkait dengan peruntukan Perkara 5A, tetapi ianya bergantung kepada agama yang dianuti dan keperibadian ketua eksekutif kerajaan pada sesuatu masa. Pada waktu itu Ketua Menteri kerajaan USNO ialah Tun Mustapha dan Ketua Menteri kerajaan BERJAYA, Datuk Harris Salleh. Kedua-dua pemimpin tersebut beragama Islam dan sudah tentulah condong kepada pembangunan dan perkembangan agama yang mereka anuti?

Kalau kita analisa dan bandingkan "pembangunan" agama Islam di Sabah sewaktu pemerintahan USNO dan BERJAYA dahulu dengan "pembangunan" agama Kristian dan agama lain dalam kerajaan PBS sekarang, kita akan dapat membuat satu kesimpulan, bahawa tuduhan golongan tertentu dalam negeri ini yang kononnya orang-orang yang beragama Kristian telah tertindas sebelum kerajaan PBS adalah tidak betul. Ini adalah kerana kalau kita beranggapan sedemikian, bermakna tuduhan orang-orang yang beragama Islam yang kononnya PBS menindas mereka

sekarang ini ada betulnya, sedangkan tuduhan ini dinafikan dengan sekeras-kerasnya oleh pemimpin-pemimpin PBS.

Jadi bersandarkan dengan ulasan di atas tuduhan golongan yang tertentu bahawa syarat pertama kemasukan Sabah dalam Malaysia telah diselewengkan adalah tidak berasas.

Gambar dibawah ialah Gereja yang baru siap dibina di Kampung Langsat Putatan. Kalau Perkara 5A Perlembagaan Negeri Sabah mengongkong, kenapa kerajaan PBS boleh membina Gereja seperti ini di seluruh pelusuk negeri Sabah.



Gambar dibawah adalah Tokong Cina yang baru siap dibina di putatan. Tokong ini dibina bersebelahan dengan rumah seorang Haji yang bertanda X. Bukankah ini jelas membuktikan bahawa kebebasan beragama tetap terjamin di Sabah.



BAB 2

Perkara 2: BAHASA

- " (a) *BAHASA MELAYU HENDAKLAH MENJADI BAHASA KEBANGSAAN PERSEKUTUAN.*
- (b) *BAHASA INGGERIS AKAN TERUS DIGUNAKAN UNTUK TEMPOH SEPULUH TAHUN SELEPAS HARI MALAYSIA.*
- (c) *BAHASA INGGERIS HENDAKLAH MENJADI BAHASA RASMI BORNEO UTARA, UNTUK SEMUA TUJUAN BAIK PADA PERINGKAT NEGERI MAHUPUN PERSEKUTUAN TANPA HAD TEMPUH. "*

KOMEN

Syarat bahasa ini telah diterima oleh IGC dan telahpun mendapat tempat dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 161.

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Kerajaan USNO telah menukar kedudukan ini pada tahun 1973 dengan membuat pindaan kepada Perlembagaan Negeri Sabah, menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi Kabinet dan Dewan Undangan Negeri (DUN) (Perkara 11A). Pada waktu yang sama DUN Sabah telah meluluskan satu Rang Undang-Undang iaitu Enakmen Bahasa Kebangsaan (Pemakaian/Penggunaan) 1973 (National Language (Application) Enactment 1973) yang bertujuan untuk meluluskan sesuatu Akta (menghadkan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi di Sabah) yang akan diluluskan oleh Parlimen nanti. Akta yang dimaksudkan di sini ialah Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang telah dibuat pindaannya cuma pada tahun 1983, untuk membolehkan Akta tersebut dipanjangkan penguatkuasaannya di Sabah dengan persetujuan DUN. Tetapi, DUN Sabah tidak ada meluluskan sebarang Enakmen yang mempersetujui penguatkuasaan Akta itu di Sabah.

Walau bagaimanapun pindaan-pindaan tersebut di atas telah membawa kesan seperti berikut:

- (a) Banyak kakitangan kerajaan yang berpendidikan Inggeris sekarang ini terpaksa bekerja sebagai pegawai sementara atau secara kontrak kerana mereka tidak berkemampuan untuk lulus peperiksaan Bahasa Malaysia;
- (b) Penukaran Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah telah menjejaskan mutu perguruan kerana kekurangan guru-guru yang berkelayakan dalam Bahasa Malaysia; dan
- (c) Pengajaran bahasa lain telah diabaikan.

Kononnya, pindaan kepada Perlembagaan Negeri Sabah pada tahun 1973 itu adalah atas pengaruh dan nasihat Syed Kechik, "wakil" Kuala Lumpur di Sabah.

ULASAN:

Kalau pun betul bahawa kerajaan USNO telah memindahkan Perlembagaan Negeri Sabah dengan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi Kabinet dan DUN, atas pengaruh dan nasihat "orang K.L.," Syed Kechik, apakah untung dan apakah pula ruginya rakyat Sabah khususnya bumiputera ekoran dari pindaan ini?

Selain dari bahasa sukuan masing-masing, bahasa yang diucaputurkan oleh sebahagian besar rakyat negeri Sabah ialah Bahasa Melayu. Jadi, bertolak dari fakta ini, pindaan perlembagaan yang tersebut di atas, tidak menjejaskan kedudukan bumiputera, malahan bertambah baik, kerana surat-surat rasmi kerajaan yang pada mulanya ditulis dalam Bahasa Inggeris kini ditulis dalam Bahasa Malaysia dan ini tentulah menyenangkan kaum bumiputera.

Kalaupun ada rakyat di negeri Sabah yang terjejas kedudukannya, bilangan mereka ini tidak begitu banyak berbanding dengan mereka yang mendapat manfaat. Mereka yang terjejas itu adalah golongan intelek yang kaya dan *elite* dalam masyarakat, yang tinggal di kota-kota dan rata-rata berpendidikan Inggeris.

Golongan bumiputera tertentu ini, seharusnya tidak membangkitkan isu ini kerana pengguna terbanyak Bahasa Malaysia di Sabah ialah kaum bumiputera. Dengan membangkitnya bermakna golongan ini lebih mementingkan nasib mereka yang "berada" dan nasib bumiputera miskin yang rata-rata tinggal di luar bandar seolah-olah tidak dipentingkan.

Golongan *elite* yang minoriti ini sepatutnya ditundukkan kepada kehendak dan kepentingan majoriti. Mereka mesti mempelajari Bahasa Malaysia dan bukan sebaliknya. Kalau golongan ini boleh menguasai bahasa asing, tidak ada sebab kenapa mereka ini tidak boleh menguasai Bahasa Malaysia.

Pembangkitan isu ini boleh disifatkan sebagai satu tindakan yang menganjurkan pengekalan penggunaan bahasa asing dalam sebuah negeri yang telah merdeka. Golongan tertentu ini seharusnya tahu bahawa kemerdekaan sesebuah negeri itu tidak bermakna kalau ianya tidak mempunyai identiti budaya dan bahasa sendiri.

Kata orang, "Bahasa Itu Identiti Bangsa". Tanpa bahasa bangsapun tidak bermakna lagi. Kita tidak boleh bermegah sebagai warganegara Malaysia kalau kita tidak mempunyai bahasa sendiri sebagai "jiwa" Bangsa Malaysia.

Di samping itu, bahasa juga boleh digunakan sebagai "alat" untuk menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan pelbagai bahasa sukuan ke arah kemajuan. Bertolak dari falsafah inilah, maka negara Malaysia memilih satu bahasa iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaannya.

Adalah tidak boleh dinafikan bahawa bahasa lain, seperti bahasa Inggeris, boleh juga digunakan sebagai bahasa rasmi di Sabah, kalaulah itu yang boleh mendatangkan manfaat yang lebih kepada kita. Tetapi, itu ternyata tidak membawa faedah.

Cuba bayangkan apakah yang akan terjadi sekiranya rakyat Malaysia di Sabah menggunakan bahasa Inggeris manakala rakyat Malaysia yang lain di Semenanjung Malaysia dan Sarawak pula menggunakan Bahasa Malaysia, sejajar dengan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Negara! Bukankah dengan berbuat demikian, kita sendiri telah menghadkan ruang penyertaan kita di dalam negara sendiri dalam bidang-bidang urusan perniagaan, pentadbiran, pekerjaan, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan kemasyarakatan?

Golongan tertentu ini semuanya berkelulusan tinggi dan boleh dianggap sebagai "ahli-ahli fikir". Sebagai ahli-ahli fikir bumiputera, mereka seharusnya sedar betapa pentingnya perpaduan melalui bahasa. Sehubungan dengan itu mereka sepatutnya membantu kerajaan untuk mencari jalan dalam memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia, bukan saja di dalam negara ini tetapi juga di rantau Asia dan kalau boleh di seluruh dunia.

Bahasa Inggeris yang cuba dipertahankan penggunaannya oleh golongan ini berasal dari sebuah pulau kecil yang dipanggil Great Britain dan diduduki oleh lebih kurang 60 juta orang penduduk yang berkulit putih, tetapi negara ini, yang boleh dikatakan kecil berbanding dengan negara China, Russia, Indonesia dan India telah berjaya memperluaskan penggunaan bahasanya di seluruh dunia. Kenapa? Kejayaan itu adalah kerana mereka tidak mahu menggunakan bahasa asing dan megah menggunakan bahasa Inggeris. Sikap inilah, antara lain yang telah membawa kejayaan kepada kerajaan British dan bahasanya.

Pengaruh bahasa Inggeris sangat luas. Bahasa ini diucaptutur oleh semua negara-negara *Commonwealth* dan ada di antara negara ini yang telah memilih bahasa tersebut sebagai bahasa kebangsaan mereka. Tetapi negara-negara yang berbuat demikian telah menghadapi krisis politik bahasa yang berlarutan seperti yang terdapat di India. Walaupun negara itu mempunyai beratus-ratus bahasa sukuan, namun ianya tidak dapat memilih satu bahasa kebangsaan daripada ratusan bahasa sukuannya. Ini adalah disebabkan oleh kedegilan di kalangan pengguna bahasa sukuan di negara itu yang tidak dapat berkompromi. Perkara yang serupa terjadi di Filipina dan Singapura.

Lain pula halnya dengan pemilihan bahasa ibunda menjadi bahasa kebangsaan seperti yang dilakukan oleh Indonesia, Thailand, Korea dan Malaysia sendiri, negara-negara tersebut tidak menghadapi krisis politik bahasa sehingga menjejaskan perpaduan di kalangan rakyat. Ini jelas membuktikan bahawa pemilihan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi adalah tepat dan sesuai seperti yang kita lakukan di Sabah.

Untuk menjadi sebuah negara yang membangun dan maju seperti yang dituntut oleh Wawasan 2020, penggunaan Bahasa Malaysia harus diperluas dan dipertingkat lagi dari kedudukannya sekarang. Ini adalah kerana setiap negara yang membangun dan maju itu memerlukan tahap kedudukan bahasanya yang tinggi. Daya saing kita dalam bidang politik antarabangsa,

perniagaan antarabangsa, hubungan antarabangsa, sains dan teknologi dan sebagainya tidak akan meningkat sekiranya taraf kedudukan bahasa kita iaitu Bahasa Malaysia tidak ditingkat ke tahap yang paling sofistikated.

Kita tahu bahawa kerajaan PBS menyokong Wawasan 2020, tetapi sokongan tersebut akan dianggap sebagai sokongan pura-pura sekiranya pemimpin-pemimpin parti itu masih berpendirian seperti golongan tertentu ini.

Dalam proses mempertingkatkan kedudukan penggunaan Bahasa Malaysia sememangnya diakui ada kakitangan kerajaan yang berpendidikan Inggeris yang telah bekerja sekian lama tetapi masih bekerja sebagai pegawai sementara atau pegawai kontrak kerana gagal dalam peperiksaan Bahasa Malaysia. Tetapi perkara ini tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk melambat-lambatkan dasar kerajaan yang akan dapat memberi manfaat kepada rakyat jelata.

Lagi pun, bukan tidak ada cara lain untuk mengatasi masalah ini. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memang arif mengenainya. Mungkin ada cara untuk mengecualikan mereka dari menduduki peperiksaan Bahasa Malaysia sekiranya mereka mempunyai alasan yang menasabah. Kota Roma bukannya dibina dalam sehari, dan dalam konteks Bahasa Malaysia sudah tentu sebagai sebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan, Malaysia tidak terkecuali dari menghadapi pelbagai permasalahan. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar secara mendadak sedikit-sebanyak memanglah telah menyebabkan mutu pengajaran telah terjejas, kerana kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia yang berkelayakan, tetapi kalau kita terus menggunakan Bahasa Inggeris seperti yang disarankan oleh golongan tertentu ini, apakah bilangan guru-guru Bahasa Malaysia yang berkelayakan akan bertambah?

Kalau kita berlengah-lengah lagi dengan memberi seribu satu macam alasan, supaya Bahasa Inggeris dapat terus kita gunakan, bila lagikah masanya kita harus mulai menggunakan bahasa sendiri. Pada tahun 2020? Dengan berbuat demikian bolehkah mutu bahasa kita meningkat?

Berhubung dengan bahasa lain yang terhalang atau diabaikan pengajarannya, ini tidak perlu diulas kerana ianya tidak berasas, kecuali pembelajaran bahasa Cina.

Sebelum merdeka, tidak adapun bahasa sukuan bumiputera yang telah diajar di sekolah-sekolah yang terpaksa dihentikan kerana pengajaran Bahasa Malaysia. Bahasa Melayu sememangnya telah diiktiraf oleh penjajah British dahulu sebagai *lingua franca* di Borneo Utara.

Dengan ulusan seperti di atas, apakah logiknya orang-orang tertentu ini menyarankan pengekalan penggunaan bahasa asing, dan dalam proses itu bahasa sendiri akan terbantut perkembangannya di negeri sendiri?

BAB 3

Perkara 3: PERLEMBAGAAN

"WALAUPUN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYA DITERIMA SEBAGAI ASAS PERLEMBAGAAN MALAYSIA, PERLEMBAGAAN MALAYSIA HENDAKLAH MENJADI DOKUMEN BARU YANG DIGUBAL DALAM KONTEKS PERHUBUNGAN BEBAS ANTARA NEGERI DAN BUKAN BERBENTUK BEBERAPA SIRI PINDAAN TERHADAP PERLEMBAGAAN YANG DIPERSETUJUI DALAM KEADAAN YANG BERLAINAN SAMA SEKALI. PERLEMBAGAAN BARU UNTUK BORNEO UTARA SUDAH TENTU PERLU."

KOMEN:

Sewaktu dalam mesyuarat IGC, wakil-wakil dari Borneo Utara telah meminta supaya Perlembagaan Persekutuan Malaya tidak akan dibuat sebagai asas apabila jawatankuasa itu menggubal perlembagaan baru untuk negeri Sabah dan Persekutuan. Tetapi permintaan ini ditolak, dengan alasan kononnya masa terlalu singkat untuk menyiapkan dua perlembagaan yang baru tanpa merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan Malaya. Atas sebab itu dan janji-janji lisan yang lain, wakil-wakil perunding Borneo Utara telah bersetuju dengan suara majoriti.

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Kemasukan Sabah dalam Malaysia adalah atas fahaman dan kepercayaan bahawa Sabah adalah *equal partner* (rakan kongsi sama rata) dalam Persekutuan Malaysia, tetapi persefahaman itu telah dicabuli oleh kerajaan pusat dengan tidak menunaikan janji-janji yang dipersetujui dalam mesyuarat IGC.

Pengakuan wakil-wakil perunding Borneo Utara kepada penggubalan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang baru, yang dilandaskan kepada Perlembagaan Malaya, adalah di atas kepercayaan kepada janji-janji lisan pemimpin-pemimpin Malaya. Atas kepercayaan ini, mereka memberi

kerjasama yang penuh dan telah tidak membuat sebarang desakan supaya janji-janji ini dimasukkan dalam satu dokumen yang boleh digunakan sebagai rujukan apabila janji-janji tersebut tidak ditunaikan.

Di samping itu, masa yang diperuntukkan untuk perundingan adalah suntuk dan tidak menasabah untuk perkara semustahak ini (kemasukan Sabah dalam Malaysia) dirunding sebegitu rupa.

Lagipun, perundingan tersebut telah dibuat pada masa rakyat Sabah sedang ketinggalan khususnya dari segi kefahaman dan kemahiran dalam soal penggubalan perlembagaan. Semua ini dilihat oleh generasi muda yang berpelajaran sebagai tidak adil.

ULASAN:

Sejak merdeka, rakyat negeri Sabah telah hidup dalam keadaan yang pada keseluruhannya aman dan damai. Pemimpin-pemimpin negeri yang terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan agama telah sekian lama berganding bahu untuk membangunkan negeri ini. Bibit-bibit semangat kerjasama telah mulai disemai pada akhir tahun 60an apabila parti UPKO yang dipimpin oleh Donald Stephens dibubar dan ahli-ahlinya menyertai parti USNO pimpinan Tun Mustapha.

Sejak tahun 1963 rakyat negeri Sabah pada keseluruhannya berpuas hati dengan pencapaian kerajaan Malaysia. Kalaupun ada rungutan yang pernah kita dengar dari pemimpin-pemimpin Sabah mengenai hubungan dua hala antara Sabah dan Kuala Lumpur, ini cuma merupakan rungutan-rungutan untuk kepentingan politik peribadi pemimpin-pemimpin yang berkenaan. Suara-suara "sumbang" yang kita dengar mengecam kerajaan persekutuan adalah suara segelintir rakyat yang telah dihasut dan diracuni fikiran mereka oleh pemimpin-pemimpin pelampau dan tidak bertanggungjawab. Kalaulah bukan kerana perbuatan seperti ini, saya yakin perasaan anti-persekutuan di kalangan rakyat Sabah tidak mendadak seperti keadaannya sekarang.

Sikap rakyat negeri Sabah sewaktu pemerintahan USNO dan pemerintahan BERJAYA adalah sama, walaupun kewujudan parti BERJAYA berpunca dari perselisihan pendapat di antara pemimpin-pemimpin Parti USNO itu sendiri. Barisan hadapan pemimpin-pemimpin parti BERJAYA adalah bekas pemimpin-pemimpin USNO. Kononnya, pemimpin-pemimpin

atasan kerajaan Persekutuan telah mendalangi penubuhan Parti BERJAYA. Namun begitu, rakyat Malaysia di negeri Sabah tidak pernah menyalahkan sesiapa di Kuala Lumpur dengan lantang. Parti BERJAYA menang dalam pilihanraya umum tahun 1975 kerana rakyat negeri ini berkehendakkan kerajaan baru.

Selama 13 tahun dalam pemerintahan USNO dan sembilan tahun dalam pemerintahan Parti BERJAYA, rakyat negeri ini tetap dengan pendiriannya menyokong Malaysia dan tidak pernah membangkitkan mana-mana isu yang bersabit dengan hubungan kerajaan negeri Sabah dan kerajaan persekutuan. Cuma setelah PBS memegang tampuk kerajaan negeri Sabah, "suara -suara sumbang" dan nyaring mulai berkumandang di udara. Suara-suara sumbang dan nyaring yang belum pernah didengar sebelum ini ialah suara Dr. Jeffrey Kitingan, anak watan dari Tambunan, dan berkelulusan Ph.D. dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat.

Yang anihnya ialah, beratus-ratus sudah anak watan negeri ini yang telah mendaki menara gading di luar negeri tetapi tidak "senada" dengan Dr. Jeffrey.

Apakah mungkin pendapat Dr. Jeffrey seorang itu benar dan pendirian ratusan graduan yang lain ini salah?

Atau, Dr. Jeffrey cuma sengaja "mendengarkan lagu" dengan "nada sumbang" kerana sesuatu motif yang tertentu yang memang telah direncanakan sewaktu beliau menuntut di Amerika?

Sama ada tindakan beliau ini merupakan satu kebaikan untuk rakyat Malaysia di Sabah atau tidak, terpujanglah kepada rakyat untuk menilainya.

Sepatutnya yang harus "berdiri di hadapan" untuk bersemuka dengan pemimpin-pemimpin Kuala Lumpur ialah Tun Mustapha dan pemimpin-pemimpin veteran lain yang terlibat secara langsung dengan kemasukan Sabah dalam Malaysia sekiranya tuduhan penyelewengan 20 Perkara ini mempunyai asas, kerana mereka ini lebih arif dengan kedudukan yang sebenar dari Dr. Jeffrey sendiri.

Mungkin saudara pembaca mempertikaikan andaian di atas, dan berkata, "Ya, memang benar Tun Mustapha dan pemimpin-pemimpin veteran lain yang terlibat dengan perundingan kemasukan Sabah dalam Malaysia tidak menuduh adanya penyelewengan. Ini kerana *survival* politik mereka

bergantung kepada budibicara pemimpin-pemimpin dari Kuala Lumpur.”

Walaupun pendapat ini boleh diterima, tetapi kita boleh masih mengatakan bahawa sekiranya penyclewengan ini benar dan telah terbukti kesan negatifnya kepada rakyat negeri Sabah, sudah tentu rakyat yang berbilang kaum dan berpengalaman ini tidak akan mengikut telunjuk pemimpin-pemimpin negeri yang dituduh bersubahat dengan pemimpin-pemimpin Persekutuan.

Rakyat negeri Sabah telah cukup matang di dalam membuat penilaian politik. Lihatlah, apa yang telah terjadi sejak Sabah merdeka melalui Malaysia. Bukankah rakyat negeri ini telah menunjukkan kebebasan pendirian mereka dengan menolak dua kerajaan negeri sebelum PBS?

Seandainya tuduhan ini berasas sudah tentu rakyat negeri ini telah menunjukkan ketidakpuasaan hati mereka melalui rusuhan politik seperti apa yang telah berlaku pada 13hb Mei 1969 di Semenanjung Malaysia. Ketiadaan unsur-unsur sejarah politik seperti ini menandakan bahawa rata-rata rakyat Malaysia di negeri Sabah berpuashati dengan kepimpinan kerajaan pusat.

Mengenai pendapat golongan tertentu bahawa sewaktu berunding dengan kemasukan Sabah dalam Malaysia pada tahun 1962, penduduk-penduduk negeri Sabah masih *constitutionally backward* (ketinggalan di segi pengetahuan mengenai perundangan perlembagaan) dan seharusnya cadangan penubuhan Malaysia itu tidak dipercepatkan, merupakan alasan remeh yang sukar untuk diterima oleh akal fikiran yang waras.

Sebagai orang-orang yang terpelajar, golongan tertentu ini seharusnya tahu bahawa perlembagaan Amerika Syarikat telah digubal pada tahun 1787, hampir 205 tahun yang lalu, sedangkan Perlembagaan Malaysia digubal pada tahun 1963, baru 29 tahun yang lepas.

Apakah golongan ini bermaksud, dengan mengajukan pendapat yang sedemikian bahawa rakyat Amerika Syarikat adalah *constitutionally advanced* (sudah maju dalam hal-ehwal perundangan perlembagaan) 205 tahun yang lalu? Atau mereka ini juga masih *constitutionally backward* seperti rakyat Malaysia di Sabah pada tahun 1963, iaitu 29 tahun yang lalu?

Kalaulah pada tahun 1787, pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat mengambil keputusan untuk menunggu sehingga rakyatnya menjadi

constitutionally advanced kemudian baru menggubal perlembagaannya, Amerika Syarikat tidak akan menjadi kuasa dunia yang terkuat pada hari ini.

Begitu juga dengan Negara Malaysia; kalaulah Donald Stephens dan Datu Mustapha menunggu sehingga rakyatnya menjadi *constitutionally advanced* kemudian baru berunding dengan pemimpin-pemimpin Malaya, mungkin negeri Sabah sehingga hari ini belum dapat menghasilkan rakyat yang terpelajar sehingga ke tahap Ph.D., seperti Dr. Jeffrey.

Lembu tidak boleh menunggu keretanya. Lembu mesti berjalan dahulu maka barulah kereta lembu bergerak di belakang. Dalam konteks kepimpinan, pemimpin harus bersikap aktif dan inovatif dan memimpin rakyat ke arah kemajuan seperti sikap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, yang sanggup menyoncong arus dan merempah badai politik nasional dan antarabangsa demi menjayakan cita-cita bangsa untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang sudah terbangun pada tahun 2020. Kalau pemimpin tidak dinamik dan tidak mempunyai wawasan dan pandangan yang jauh, rakyat dan negaranya akan mundur.

Kalau bukan kerana Malaysia dan perlembagaannya yang telah digubal 29 tahun yang lalu, mungkin Dr. Jeffrey tidak akan mencapai kejayaan dalam bidang akademik sehingga keperingkat Doktor Falsafah jurusan ekonomi, politik dan hubungan antarabangsa. Mungkin juga abangnya Datuk Pairin tidak menjadi ketua menteri Sabah.

Sehubungan dengan ini, apakah lagi janji-janji yang dituntut oleh golongan yang tertentu ini?



DATUK DR. JEFFREY KITINGAN

Kalau bukan kerana Malaysia dan Perlembagaannya yang digubal 29 tahun yang lalu, mungkin Dr. Jeffrey tidak akan mendapat kejayaan akademik sehingga ketahap Doktor Falsafah jurusan Ekonomi, Politik dan Hubungan Antarabangsa.

BAB 4

Perkara 4: KETUA PERSEKUTUAN

"KETUA NEGARA BORNEO UTARA TIDAK BOLEH MENJADI KETUA NEGARA PERSEKUTUAN"

KOMEN:

Syarat ini tidak disentuh dan tidak dipertikaikan oleh golongan tertentu ini.

BAB 5

Perkara 5: NAMA PERSEKUTUAN

"MALAYSIA" BUKANNYA "MELAYU RAYA".

KOMEN:

Syarat ini telah dipersetujui dengan sepenuhnya dalam mesyuarat IGC dan telah pun dimasukkan di dalam Perlembagaan Malaysia.

BAB 6

Perkara 6: IMIGRESEN

"KAWALAN KEMASUKAN ORANG KE MANA-MANA KAWASAN DI MALAYSIA DARI LUAR ADALAH TERLETAK DI BAWAH KUASA KERAJAAN PUSAT TETAPI KEMASUKAN KE BORNEO UTARA PERLU MENDAPAT KELULUSAN KERAJAAN NEGERI. KERAJAAN PERSEKUTUAN TIDAK BOLEH MENGHALANG KEMASUKAN ORANG KE BORNEO UTARA UNTUK TUJUAN KERAJAAN NEGERI KE CUALI ATAS SEBAB KESELAMATAN. BORNEO UTARA HENDAKLAH MEMPUYAI KUASA YANG TIDAK TERBATAS BAGI MENGAWAL PERGERAKAN ORANG-ORANG DARI KAWASAN-KAWASAN LAIN DI MALAYSIA KE DALAM BORNEO UTARA, SELAIN DARIPADA YANG BEKERJA DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DI BORNEO UTARA."

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Pada tahun 1979 kerajaan BERJAYA telah bersetuju untuk mengecualikan penggunaan pasport bagi rakyat Malaysia yang datang ke Sabah. Dokumen yang diperlukan cuma kad pengenalan dan borang Imigresen IMM:114 yang telah dilengkapi. Setelah pentadbiran Pulau Labuan diserahkan kepada Wilayah Persekutuan pada tahun 1984, rakyat Malaysia dari Sarawak dan Semenanjung Malaysia yang berkunjung ke Sabah melalui Wilayah Persekutuan Labuan tidak diperlukan untuk membawa sebarang dokumen perjalanan.

ULASAN

Walaupun kerajaan BERJAYA telah mempersetujui pengecualian penggunaan pasport bagi rakyat Malaysia yang berasal dari Semenanjung dan Sarawak, namun kedudukan kuasa kerajaan negeri Sabah yang berkaitan dengan soal-soal kemasukan mereka yang tersebut tidak berubah.

Apa yang berubah cuma dokumen perjalanan, iaitu selain daripada pasport, borang Imigresen IMM: 114 boleh juga digunakan. Borang ini mudah diperolehi dan dilengkapi. Untuk melayakkan diri menggunakan dokumen ini, individu yang berkenaan cuma diperlukan untuk menunjukkan kad pengenalan biru kepada pegawai-pegawai yang bertugas.

Borang IMM: 114 tidak memberi sebarang keistimewaan kepada individu yang pergi ke Sabah. Kebenaran untuk menjadi penduduk tetap dan pas kerja masih diperlukan sekiranya seseorang itu ingin menetap atau bekerja di Sabah.

Pengecualian penggunaan pasport ini dibuat di bawah bidangkuasa Menteri Dalam Negeri di bawah peruntukan Seksyen 55 Akta Imigresen 1963/1969. Tetapi, kuasa ini tidak boleh digunakan oleh menteri yang berkenaan (seperti dalam hal ini) tanpa persetujuan kerajaan negeri.

Di bawah peruntukan seksyen ini juga, kerajaan negeri Sabah melalui ketua eksekutif (ketua menteri) boleh menyekat kemasukan mana-mana rakyat Malaysia yang berasal dari Sarawak dan Semenanjung, yang mempunyai pasport atau dokumen perjalanan lain yang sah, apabila yang berkenaan diwartakan oleh kerajaan negeri sebagai individu yang tidak diinginkan (*undesirable character*).

Kuasa seperti ini telah digunakan oleh bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh untuk menghalang kemasukan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang ke Sabah.

Dalam pilihanraya umum negeri Sarawak di bulan September 1991, Ketua Menteri Sarawak juga telah menggunakan kuasa serupa ini untuk menghalang kemasukan pemimpin-pemimpin pembangkang yang beragama Islam dari Semenanjung Malaysia ke negeri Sarawak. Datuk Manan Othman, Bendahari Agung Parti Semangat 46 telah tidak dapat masuk di negeri Sarawak pada 22hb September 1991 ekoran dari penggunaan kuasa ini oleh Ketua Menteri Negeri Sarawak.

Mengenai kemasukan ke Sabah yang agak "bebas" jika melalui Wilayah Persekutuan Labuan, perkara ini adalah benar. Tetapi kekhuatiran yang dizahirkan oleh golongan yang tertentu ini adalah tidak serupa dengan kedudukan perkara yang sebenar, atas sebab-sebab yang berikut:

- 1) Tujuan pemimpin-pemimpin kita dahulu mengetengahkan Perkara 6 ini ialah untuk melindungi rakyat negeri Sabah daripada persaingan dengan penduduk-penduduk dari negeri lain dalam Malaysia khususnya dalam bidang ekonomi, perniagaan, pekerjaan dan sebagainya.

Pada masa itu, iaitu 29 tahun yang lalu, syarat ini adalah perlu untuk kita kerana rakyat negeri Sabah jauh ketinggalan dalam bidang-bidang tersebut. Rakyat negeri Sabah pada waktu itu boleh diumpamakan sebagai "pohon yang baru ditanam" dan dengan demikian, sudah tentu perlu dijaga dengan rapi, supaya boleh membesar dan menjadi pohon yang besar dan tinggi.

Tetapi setelah "ditanam" selama 29 tahun, sudah tentu "pohon" tersebut telah membesar dan tidak perlu dipagar lagi.

Dalam konteks ini, kini pemikiran dan kehidupan rakyat negeri Sabah semakin canggih. Kalau dahulu Sabah serba kekurangan golongan profesional seperti peguam, doktor perubatan, arkitek, jurutera dan sebagainya, kini Sabah sudah dibanjiri oleh mereka ini. Ini menunjukkan bahawa daya saing rakyat Sabah sudah setanding dengan rakyat Malaysia yang lain.

Maka itu, sebagai sebuah negeri yang pesat membangun dalam Malaysia, kita tidak perlu lagi dilindungi seperti dahulu, kerana sistem kapitalis *laissez faire* dan *free enterprise*, yang kita "anuti" ini menggalakkan persaingan yang bebas dan sihat. Persaingan yang sihat ini boleh meningkatkan mutu kerja kita.

Tambahan pula, rakyat Malaysia yang berasal dari Semenanjung dan Sarawak, yang datang ke Sabah "mencari makan", sama ada menggunakan pasport, borang IMM:114 atau tanpa dokumen perjalanan kerana melalui Pulau Labuan, tidak mempunyai hak automatik yang melayakkan mereka untuk diberi keutamaan dalam bidang-bidang pekerjaan, perniagaan, persekolahan dan sebagainya.

Mereka yang berkenaan perlu juga melalui liku-liku hidup seperti yang diharungi oleh rakyat Sabah setiap hari, sebelum mencapai kejayaan hidup. Rakyat Sabah seharusnya mempunyai potensi untuk mendapat kejayaan yang lebih cerah kalau dibandingkan dengan mereka ini,

memandangkan kita adalah tuan rumah dan sebagai tuan rumah kita mempunyai kelebihan dari mereka.

Soalnya, apakah dasar perlindungan (*protectionism*) dapat menjamin kejayaan negeri Sabah yang sekarang ini bercita-cita mahu memasuki zaman perindustrian yang pesat di masa depan sejajar dengan Wawasan 2020?

- 2) Penggunaan pasport bagi rakyat Malaysia dalam negaranya sendiri adalah bercanggah dengan semangat kemerdekaan yang sebenar. Sebagai rakyat sebuah negara yang telah merdeka selama 29 tahun, kita harus bebas menjelajah di mana-mana saja dalam negara ini tanpa sekatan undang-undang. Tanpa sekatan ini, matlamat kerajaan untuk menggalakkan integrasi nasional dalam jangka masa yang singkat akan tercapai.

Jadi, apa mesti kita kluatir dengan perkembangan baru yang positif ini?

Pada bulan September 1992, kerajaan negeri Sabah telah mengambil keputusan untuk menarik balik penggunaan Borang Imigresen IMM: 114 untuk menyekat kemasukan rakyat Malaysia dari Semenanjung dan Sarawak atas alasan keselamatan. Kalaulah ini hakikat yang sebenar, apakah kerajaan negeri Sabah sekarang ini menganggap bahawa kerajaan Persekutuan tidak lagi melindungi keselamatan rakyat Malaysia di Sabah, sedangkan soal keselamatan negara Malaysia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan pusat? Atau tindakan ini dibuat semata-mata untuk meracuni pemikiran rakyat yang kurang arif dengan kedudukan yang sebenar untuk kepentingan politik golongan yang tertentu.

Dengan tindakan yang sedemikian, apakah hasilnya kepada rakyat negeri Sabah, selain daripada menimbulkan "ketegangan" di antara kerajaan negeri Sarawak dan negeri Sabah? Belum cukup lagikah tindakan PBS "menikam" Barisan Nasional dari belakang?

Kalau pemimpin-pemimpin negeri Sarawak turut "memusuhi" kerajaan negeri Sabah, siapa lagikah "kawan" kita di rantau ini?

Bekas Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew pernah berkata, "*No Man Is An Island*" yang membawa pengertian "Sesebuah negeri atau negara itu tidak akan maju dengan bersendirian".

Malangnya pendirian pemimpin-pemimpin PBS bercanggah dengan falsafah Lee Kuan Yew ini. Hanya masa sahaja yang dapat menentukan siapakah yang benar.

Ku Li cancels visit to S'wak because of ban

KOTA KINABALU, Wed. - Party Semangat 46 president Tengku Razaleigh Hamzah and other party leaders have been barred from entering Sarawak during the current state election campaign.

Tengku Razaleigh received a fax message today from the director of Sarawak Immigration Department, Haji Ramli Adros Haji Yahya, informing him of the ban.

Tengku Razaleigh was scheduled to arrive in Kuching today to help the Sarawak DAP campaign in the state election.

In the fax message sent to the Party 46 leader, Haji Ramli Adros said: "Yang Berhormat, Your telegram dated 25 September 1991 refers. We spoke over the phone on 24 September, 1991 at 6.15pm.

"This is to confirm that the State Authority in exercise of its power under Section 65 (1) Immigration Act, 1959/63 (Revised 1989) has directed that you are not allowed facilities to enter Sarawak during the current state election campaign.

"This directive covers all Malay opposition leaders from Peninsular Malaysia. Regards.

A copy of the fax message was made available to Sabah Times.

In a statement, a copy of which was also made available to Sabah Times, Tengku Razaleigh said that he had received an official notification from the Sarawak Immigration Department informing him that he and other Malay opposition leaders had been barred from entering Sarawak.

"I regret over the action of the Sarawak state government which has given directive to the Immigration Department to stop the entry of Malay opposition leaders from Peninsular Malaysia.

"The ban which separates the Malays and non-Malays is a discrimination and racial in nature. It is contrary to the Federal Constitution.

"I consider the ban as without basis and against the rights of Malaysians who want to take part in the legitimate process of democracy in every part of the country.

"The ban also reflects that the Barisan Nasional has lost its sense of consideration and it is prepared to take actions which are against the principle of democracy.

"The action is a shame to the people of Malaysia because it reflects the double standards of the leaders who allow the Barisan Nasional leaders to come in freely, into Sarawak," he

said.

Tengku Razaleigh also said that ban against Members of Parliament from the opposition was a serious threat to national integration.

He said that he was aware that the position of the Barisan Nasional was no longer firm because of a lot of deviations and abuses of power and that they were scared to be exposed.

Tengku Razaleigh said he intended to raise the matter in the next sitting of parliament.

Last Sunday, Party Semangat 46 treasurer Datuk Manan Othman was barred from entering Sarawak.

Names of banned top PBS leaders not given

KOTA KINABALU, Wed. - The Sarawak Immigration Department of Kuching Division has been "verbally" told to turn away Sabah state ministers and top PBS leaders on "unofficial" visits from entering the state, a senior official said today.

Contacted in Kuching today, the Immigration Officer in-charge of Kuching, Samarahan and Sri Aman Divisions, Enrik Charles de Rozario said that his department had been "verbally" directed by the "higher authority" to bar top PBS leaders from entering the state.

"We don't have the list of names of top PBS leaders. But since it is a general directive, we will stop top PBS leaders including state ministers from entering the state," he explained.

He said Immigration officers, stationed at the Kuching International Airport, could easily identify the Sabah leaders because "they are public figures".

Enrik Rozario, however, said that the ban did not include "ordinary PBS members because we do not know who they are."

He said he did not know the reasons for the ban. He also did not want to speculate on the reasons.

Meanwhile, police have reported to be in the know on the "verbal" directive and had listed out the possible names of top PBS leaders who could be banned from entering Sarawak.

Sources in Kuching said that the ban on the PBS leaders is just a temporary one until after the state election.

Malay opposition leaders from Peninsular Malaysia have also been barred from entering Sarawak.

The Chief Minister Tan Sri Haji Abdul Talib Mahmud said that he did not want "extremist elements" from the peninsula to disturb the existing racial harmony in the state.

BAB 7

Perkara 7: HAK PEMISAH.

*"TIDAK HARUS ADA SEBARANG HAK UNTUK BERPISAH
DARIPADA PERSEKUTUAN"*

KOMEN

Menurut pendapat golongan yang tertentu ini syarat ini tidak sepatutnya disenaraikan kerana ianya tidak melindungi rakyat Sabah. Kalau ia pun, ini cuma menunjukkan keikhlasan wakil-wakil perunding kita dahulu dan kepercayaan mereka terhadap janji-janji manis pemimpin-pemimpin Malaya.

ULASAN

Sebenarnya golongan tertentu ini gagal membaca pemikiran pemimpin-pemimpin kita dahulu dan dengan membuat tafsiran yang sedemikian golongan ini memperkecil-kecilkan kewibawaan dan wawasan mereka yang berkenaan.

Pengertian lain mengenai persoalan kenapa syarat ini disenaraikan ialah, pemimpin-pemimpin yang mewakili Sabah dalam perundingan tersebut, menjangka bahawa pemimpin-pemimpin pelampau dan idealis seperti golongan yang tertentu ini akan timbul.

Kini sudah ada bukti kewujudan pihak-pihak yang inginkan Sabah berpisah dari Malaysia. Pihak ini menamakan diri mereka "Pertubuhan Pembebasan Rakyat Sabah" (PPRS) atau dalam Bahasa Inggerisnya *Sabah People's Liberation Organisation*.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Mohammad Noor mengesahkan kewujudan badan ini dan lima orang rakyat Sabah yang ditangkap di bawah ISA pada tahun 1990 dikatakan mempunyai kaitan dengan badan ini.

Manakala Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pula pernah menamakan Dr. Jeffrey sebagai anak watan Sabah yang mempunyai cita-cita untuk menjadi Presiden Sabah yang pertama setelah membawanya keluar dari Malaysia.

SABAH TIMES



Thursday, July 4, 1991

PP/78/1/91

60 CENTS

ESTABLISHED 1952

Pullout plot: Police get a clearer picture

KUCHING, Wed.— The meeting between AKAR president Datuk Mark Koding and the Inspector-General of Police Tan Sri Haniff Omar on the alleged plot to take Sabah out of Malaysia has given police a better picture of the whole story, Deputy IGP Tan Sri Abdul Rahim Mohamed Noor said today.

Information given by Datuk Koding to Tan Sri Haniff would facilitate police investigations on the matter, he told reporters at the Kuching International Airport before returning to Kuala Lumpur after a three-day visit here.



DATUK KODING

He declined to elaborate.

Datuk Koding said recently he knew the identities of the alleged "plotters" whom he claimed were from the ruling Parti Bersatu Sabah (PBS).



TAN SRI HANIFF

Challenged by PBS leaders to reveal the identities of the "plotters", he declined, saying he would give the names to police.

Tan Sri Abdul Rahim also said the hatching position of police personnel in Sarawak was generally not to

Man held under ISA

KOTA KINABALU, Wed.— Sabah police have detained a person identified as Ariffin Haji Hamid alias Ali's Hamid under the Internal Security Act (ISA) for suspected involvement in activities prejudicial to national security.

Ariffin, 38, was arrested two days ago under Section 73 (1) of the ISA, a Sabah Police Contingent Headquarters statement said here today.

It added that police had cause to believe that Ariffin had acted in a manner which was prejudicial to the country's security and there was reasonable

cause to justify his detention under Section 8 of the same act.

It said that Ariffin was now being detained in Kota Kinabalu district and investigations were on-going.

It did not say if the latest detention was related to any plot to take Sabah out of Malaysia.

Sabah Foundation Director and brother of Sabah Chief Minister, Dato Dr Jeffrey Kitingan, and five others from the state have been arrested under the ISA for alleged involvement in the succession plot. —Bernama

cause as in other cases.

He conceded, however, that in some cases in the state, 50 persons of the personnel were staying in rented premises.

As such, accommodations and living quarters as well as office buildings would

be given priority under the Sixth Malaysia Plan, he said.

"By the end of the decade, in Sarawak, we'll take care of, both in terms of accommodation and working environments," he added.

Tan Sri Rahim sought out the Sarawak Police Contingent as one of the components in the country which had consistently completed projects allocated to it, such as those under the ten-million Fifth Malaysia Plan. —Bernama

Seized — papers on proposed formation of a secret army for Sabah's liberation



Tan Sri Abdul Rahman

Pullout plot: ASP held under ISA

Pairin: Plot won't hurt PBS chances

KUALALUMPUR, Mon. — An assistant superintendent of police has been detained under the Internal Security Act (ISA) for complicity in a plot to take Sabah out of Malaysia.

ASP Abdul Rahman Akmal, 51 was picked up at his office at the Sabah Police Cantonment Headquarters in Kota Kinabalu on June 7. Deputy IGP Tan Sri Abdul Rahim Mohamad Nor disclosed today.

Police are looking for a European intermediary believed to be receiving foreign hard funds to carry out the plot. Tan Sri Abdul Rahman said a press conference here.

ASP Abdul Rahman was believed to have been in the company's payroll for two and a half years. He said his arrest brought to him the names of people detained under the ISA for involvement in the conspiracy as far

There were also former police sergeant **Uppu S. Srinivasan** detained on May 18, Sabah Air Chiefman **Subashan** Tayan since November 30, and former executive **Adnan Yusoff** since January 31, both detained on May 15.

The Deputy IGP said although the conspiracy was still at planning stage, the plotters had set up several sub-committees.

These include one for intelligence gathering headed by **Danu Usdin** and another for finance.

Tan Sri Abdul Rahman said investigations at this stage had revealed that only one European intermediary was involved in the plot so far.

Police had also seized several documents and equipment from the conspirators.

These include:

- **Logging devices.**
- **A secret plan entitled 'Perjuangan Pergerakan Rakyat Sabah (PPRS) - Sabah People's Liberation Organisation and a proposal for the Universal Federation of**

the Sabah Chamber of Appeal Funds.

- Documents on the location of the so-called secret army in Sabah and outlining the PPRS strategy to seize power.

Also seized were:

- **Functional plans and aerial photographs of military bases, police compounds and other strategic installations in Sabah.**

It is an invoice for D4743 500 (Draconite 160) to a company with a Sabah address from a West German firm in Hamburg.

An invoice worth a total of Ring 4,000 under the name of one of the conspirators which was opened in the name of U.S.S. 118, 170 (M80 70 000).

The papers were believed to have been used to pay for the purchase and recruitment of mercenaries.

"I am sure it can be seen that the group planned to achieve their goal by force," he said.

INVESTIGATES

Tan Sri Abdul Rahman said police began investigating the group in 1967 when a number volunteered information on an occasion.

"In ensuing probes, police detained a man in October 1967 but released him two months later. He helped the police a lot in providing information on the group's activities," he said.

Following the man's arrest, several members of the group were also arrested and the arrested progress of police investigations, he said.

"Recently one of these imprisoned and police found that he had fled to a neighbouring country.

"Police also came to know details of the secret plot and the plan to the arrest of these other accomplices," said the Deputy IGP.

He said police were also investigating whether the group had been getting foreign funds.

Tan Sri Abdul Rahman denied allegations that the detainees were ill-treated.

They had been interviewed verbally and in writing at the same time they were arrested, he said.

These families too were interviewed of their arrest this day, he said.

"Immediate steps were being taken into speedy they underwent medical check up according to their requirements," he said.

The Deputy IGP said their families were also allowed to visit the detainees.

The interview proceeded to the detainees was according to the law, he said.

Tan Sri Abdul Rahman said he would order investigation and action against politicians or officers found to be using force or applying unlawful ways in discharging their duties.

ROYA BINABALEU,

Min. — Chief Minister

Dr. Joseph Pairin

disclosed today the

details of a plot to

take Sabah out of

Malaysia and the recent

detentions, including

the arrest of an Asis-

tant Superintendent of

Police (ASP) under the

Internal Security Act

(ISA) will not imperil

the Parti Bersatu

Sabah (PBS) campaign

for the coming elec-

tions.

"Who should this

arrest the party after

all, the police have

their duty to do and we

have more to carry out,"

Dr. Pairin said after

addressing a press gath-

ering of the PBS, Ulu,

Apul, Serabulan and

Jaraman divisions and

Community Centre

here, this evening.

Dr. Pairin, who is

also the Chairman of

the State Security

Council, said he was

unaware of the deten-

tion of ASP Abdul

Rahman, as well as the

arresting of a secret

agent here.

"I do not believe

there was actually such

a thing," Dr. Pairin

said.

He reiterated an ear-

lier talk for all those

who have been detained

under the ISA in con-

nection with the plot be

produced and tried in

court.

"If the police have all

the evidence, then I

would imagine the next

logical step is to bring

these people to court in

front of the public

where it will be clear

what kind of error they

have," Dr. Pairin

said.

White Paper on the pullout plot?



Datuk Megat

Megat: Something will be done to convince the public

KUALA LUMPUR, Thurs.— The government may issue a White Paper on the plot to pull Sabah out of Malaysia, which allegedly involved Sabah Foundation Director Datuk Dr Jeffrey Kitang, Deputy Home Minister Datuk Megat Yusoff Megat Ayyub said today.

However, no decision had been made yet because police were continuing investigations on Datuk Dr Jeffrey and others suspected to be involved in the plot, he told the Dewan Rakyat.

"Once investigations are completed, something would be done to convince the public," he said in reply to points raised during the debate on the Sixth Malaysia Plan motion.

Datuk Megat Yusoff said the detention of Datuk Dr Jeffrey under the

Internal Security Act (ISA) was based on information obtained by police that he was a threat to national security.

The police action was taken according to the provisions of the ISA and was not politically motivated, he said.

Datuk Megat Yusoff also said the July 4 issue of the *Fif* East-West Economic Review was banned in the country because its contents were prejudicial to national security.

To a question from Encik Mohamed Sabu (PAS-Nilam Puri), Datuk Megat Yusoff said the magazine's contents could jeopardise relations among Asian countries.

He said the mandatory death sentence imposed on dadah traffickers

under Section 39B of the Dangerous Drugs Act was not wrong according to Islam because the offenders were a threat to the public and country.

The Islamic Affairs Division of the Prime Minister's Department had said that the death sentence was not un-Islamic, he added.

Deputy Rural Development Minister Yasin Kamari said the ministry would conduct a study to overcome the delay in implementing rural electrification projects in Sabah and Sarawak.

Encik Yusoff said \$210 million had been sought for each state for implementing such projects under the Sixth Malaysia Plan.

Among the reasons for the delay were geographical factors, high costs

and installation problems, he said.

Encik Yusoff said the poverty rate would be reduced from 21.8 percent last year to 16.8 percent, and almost 130,000 poor rural households would no longer be within the FELDA poverty bracket by the end of the plan period.

Deputy Transport Minister Datuk Paduka Zeticha Ismail told the Dewan Rakyat the government had no plans to build a port in Kelantan to serve the east coast states because of its shallow waters.

The costs of building and maintaining such a port would be high, she said.

She also said \$200 million would be spent on expanding and building airports in Sabah and Sarawak under the Sixth Malaysia Plan. — *Bernama*

BAB 8

Perkara 8: PEMBORNEOAN

"PENGAMBILALIHAN PERKHIDMATAN AWAM OLEH RAKYAT BORNEO HENDAKLAH DILAKSANAKAN DENGAN SECEPAT MUNGKIN."

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Sejak merdeka bilangan jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan telah bertambah empat kali ganda. Pada tahun 1985 bilangannya menjangkau 62 jabatan dan lebih 90% daripada jabatan-jabatan ini diketuai oleh pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia.

Menurut Rekod Pekerja terdapat kira-kira 21,000 orang kakitangan kerajaan dari Semenanjung bekerja di jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan di Sabah.

Pada masa yang sama terdapat 800 graduan anak Sabah dan beribu-ribu lepasan sekolah masih menganggur. Kehadiran pekerja-pekerja dari Semenanjung ini menimbulkan perasaan irihati di kalangan orang-orang Sabah kerana mereka kehilangan peluang pekerjaan.

Alasan yang selalu digunakan oleh kerajaan Persekutuan untuk menjustifikasikan kehadiran kakitangan kerajaan dari Semenanjung, yang mengisikan pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan di Sabah ialah kekurangan pegawai-pegawai kerajaan dari Sabah yang layak memegang jawatan-jawatan berkenaan. Tetapi telah didapati bahawa pegawai-pegawai dalam kategori C dan D juga diimport dari Semenanjung.

Di samping itu tidak ada perancangan kerajaan Persekutuan untuk melatih pegawai-pegawai kerajaan dari Sabah dan menaikkan pangkat pegawai-pegawai yang layak untuk menggantikan pegawai-pegawai dari Semenanjung yang memegang jawatan-jawatan tinggi.

ULASAN:

Sebelum golongan tertentu ini menyalahkan orang lain mengenai masalah pengangguran di Sabah, golongan ini perlu bertanya kepada diri mereka iaitu, apakah sumbangan mereka kepada kerajaan negeri Sabah dalam mengurangkan masalah pengangguran? Setelah itu, mereka ini perlu bertanya pula kepada rakan-rakan mereka yang memegang jawatan-jawatan tinggi di Yayasan Sabah seperti Encik Semion Lalung, Encik Stan Golokin, Encik Matthew Gonzaga, Encik Cyril Pinso, Encik Vincent Gadalon, Encik Damianus Aludah, Tan Sri Ben Stephens dan lain-lain, apakah sumbangan rakan-rakan mereka ini dalam mengurangkan masalah pengangguran di Sabah?

Untuk menjawab soalan-soalan tersebut, berikut adalah senarai ahli-ahli Lembaga Pengarah Innoprise Corporation Bhd. dan anak-anak syarikat di bawah naungannya yang menunjukkan bahawa penama-penama tersebut di atas terang-terang membolot jawatan-jawatan penting dalam Yayasan Sabah, tetapi pada masa yang sama golongan yang tertentu ini, membangkitkan masalah pengangguran dan menyalahkan pihak lain:

Nama Syarikat	Ahli-Ahli Lembaga Pengarah	Pengerusi	Pengarah Urusan	Setiasaha-Syarikat
Innoprise Copn. Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga S. Golokin	Dr. Jeffrey	S.Golokin	Damianus Aludah
Rakyat Berjaya Sdn. Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin	Dr. Jeffrey	Cyril Pinso	Semion Lalung
Innoprise Holdings Sdn. Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin	Dr. Jeffrey	Cyril Pinso	Damianus Aludah
Sabah Berjaya Sdn. Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin	Dr. Jeffrey	Vincent Gadalon	Semion Lalung
Yayasan Sabah Shipping Sdn.Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin Kong Yin Loong	Dr. Jeffrey	Kong Y.L.	Semion Lalung
Safond Shipping Sdn. Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin Kong Yin Loong	Dr. Jeffrey	Kong Y.L.	Semion Lalung
Yasa Nanzai Shipping Inc.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin Kong Yin Loong	Dr. Jeffrey		Chiang W.C.

Nama Syarikat	Ahli-Ahli Lembaga Pengarah	Pengerusi	Pengarah Urusan	Setiausaha Syarikat
Yasa Nanzai Shipping Co. Ltd.	Dr. Jeffrey Ben Stephen Mathew Gonzaga Stan Golokin Kong Yin Loong	Dr. Jeffrey		Chiang W.C.
Yayasan Sabah Shipping Agencies Ltd.	Dr. Jeffrey R.Okoro Chiang Wai Chia Stan Golokin	Dr. Jeffrey	R.Okoro	Y.Kushida
Syarikat Serimuka Sdn Bhd.	Dr. Jeffrey Matthew Gonzaga Stan Golokin	Dr. Jeffrey	John Manson	Damianus Aludah
Juwitabah Sdn. Bhd.	Dr. Jeffrey Matthew Gonzaga Stan Golokin	Dr. Jeffrey	John Manson	Damianus Aludah
Sinsuran Sdn Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Mathew Gonzaga Stan Golokin	Dr. Jeffrey		Semion Lalung
Sapangar Sdn. Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin	Dr. Jeffrey		
Seranum Sdn.Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin	Dr. Jeffrey		Semion Lalung

Nama Syarikat	Ahli-Ahli Lembaga Pengarah	Pengerusi	Pengarah Urusan	Setiausaha Syarikat
Pacific Hardwoods Sdn.Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin Cyril Pinso	Dr. Jeffrey	Rudy Kinajil	Damianus Aludah
Sinora Sdn.Bhd.	Dr. Jeffrey Matthew Gonzaga Kinichiro Sato Iichi Nakane Stan Golokin	Dr. Jeffrey	Francis Fung	Semion Lalung
Sabah Melale Wood.Ind. Sdn.Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Tengku Adlin Matthew Gonzaga Stan Golokin			Semion Lalung
Sabah Softwood Sdn.Bhd.	Dr. Jeffrey Rudy Kinajil Patrick K .Cassels Raymund Tan Roger Langdale Cyril Pinso Raymund Chau	Dr. Jeffrey	Patrick K.C.	Damianus Aludah
Safima Plant-ations Sdn.Bhd.	Dr. Jeffrey Miller Munang Cyril Pinso Hj. Mohd. Noor Pg.Hussein Stan Golokin	Dr. Jeffrey	Lim Kim Lau	Nasir I.
Tanjung Aru Hotel Sdn.Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Ewon Ebin Stan Golokin John Lo	Dr. Jeffrey	Terry Ko	Gerald John

Nama Syarikat	Ahli-Ahli Lembaga Pengarah	Pengerusi	Pengarah Urusan	Setiausaha Syarikat
Rakyat Bersatu Sdn. Bhd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin	Dr. Jeffrey		Semion Lalung
Sabah Bank Bhd.	Nicholas Fung Dr. Jeffrey Dr. Mokhzani Jimmy Duis Azmi Hamzah Gumuri Hussain Cyrus Das	Nicholas F.		Moses Iking
Ridgeland Investment Incopn.	Dr. Jeffrey Stan Golokin Kong Yin Loong	Dr. Jeffrey	Chiang W.C.	Chiang W.C.
Innoprise Hongkong Ltd.	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin Kong Yin Loong	Dr. Jeffrey		Chiang W.C.
Silam Forest Products	Dr. Jeffrey Ben Stephens Matthew Gonzaga Stan Golokin Cyril Pinso	Dr. Jeffrey	Rudy Kinajil	Damianus Aludah

Seandainya Dr. Jeffrey dan rakan-rakannya yang tersebut di atas meletakkan jawatan-jawatan mereka dan jawatan-jawatan tersebut diagih-agihkan kepada graduan-graduan yang menganggur sebanyak 800 orang itu, maka lebih kurang 186 orang graduan daripada 800 orang itu akan mendapat pekerjaan. Ini bermakna cuma 614 graduan penganggur lagi yang tinggal untuk dicarikan pekerjaan oleh kerajaan negeri.

Setelah berbuat demikian, barulah patut golongan tertentu ini mempersoalkan bilangan pekerja dari Semenanjung yang bekerja di Sabah. Itu pun golongan tertentu ini harus bertanya juga, berapakah bilangannya orang-orang Sabah yang bekerja di Semenanjung. Mungkin lebih banyak orang Sabah yang bekerja di Semenanjung daripada pekerja dari Semenanjung yang bekerja di Sabah.

Kalaulah ini kedudukan perkara yang sebenar, dan seandainya kerajaan negeri Sabah menghantar pekerja-pekerja dari Semenanjung ini kembali ke Semenanjung dan pada masa yang sama kerajaan Persekutuan pula menghantar pekerja-pekerja dari Sabah di Semenanjung balik ke Sabah, masalah pengangguran di Sabah tidak juga dapat diselesaikan.

Sebagai orang-orang cendekiawan, golongan tertentu ini seharusnya menggunakan kepintaran dan kebijaksanaan mereka untuk membantu kerajaan negeri dan persekutuan mengatasi masalah pengangguran tanpa membuat berbagai-bagai perbandingan atau membeza-bezakan perkara yang tidak harus diperbeza. Masalah pengangguran adalah suatu masalah yang dihadapi oleh mana-mana juga negara didunia ini, termasuklah Amerika Syarikat, Jepun, England dan lain-lain, apatah lagi Malaysia. Pengangguran di Amerika Syarikat pada masa ini umpamanya, telah menjangkau jumlah 8 juta orang, di Australia sebanyak 80 ribu orang dan di England telah meningkat ketahap tiga juta orang.

Dengan membangkitkan soal ini, masalah pengangguran di Sabah atau di seluruh negara tidak juga dapat diatasi. Malahan masalah lain pula yang akan timbul iaitu, perasaan benci-membenci dan dengki-mendengki di antara rakyat Malaysia di Sabah dan rakyat Malaysia di Semenanjung.

Kalau perasaan yang tidak sihat ini berterusan dan tidak terkawal, masa depan Malaysia sebagai negara yang aman, damai, makmur dan harmoni akan terancam.

Sekiranya kestabilan politik negara terjejas maka secara langsung ekonomi negara juga turut terjejas kerana pelabur-pelabur dan pelawat-pelawat asing tidak akan melabur atau berkunjung ke negara kita.

Kalau ini yang akan berlaku nanti maka kadar pengangguran dalam negara kita akan meningkat lagi secara mendadak. Bagaimana pula kita mengatasi masalah ini kelak?

Kalau dakwaan golongan yang tertentu ini benar dan ianya teretus dari hati nurani yang ikhlas dan tidak didorong oleh *ulterior motive* yang negatif, maka setiap anak Sabah sepatutnya mempersetujui dan harus menyokong teguran ini.

Tetapi, apa yang membimbangkan ialah, gambaran yang dipaparkan oleh golongan ini adalah gambaran *one sided* atau berat sebelah. Umpamanya, di dalam membuat teguran, golongan ini tiada mencrangkan kepada kita terlebih dahulu tentang kewujudan peraturan-peraturan perjawatan yang termaktub di dalam Perintah Am atau *General Order*.

Perintah Am antara lain memperuntukkan, bahawa seseorang kakitangan kerajaan itu tidak boleh memegang sebarang jawatan dalam mana-mana jabatan kerajaan sama ada negeri atau persekutuan sekiranya yang berkenaan tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Misalnya, jawatan Ketua Pengarah dalam sebuah jabatan itu tidak boleh disandang oleh sesiapa, kecuali yang berkenaan:

- a) telah disahkan dalam jawatannya dalam kumpulan G: A10, A9, A8, A7, A6 dan sebagainya.
- b) pegawai yang terkanan (*senior*) dalam sesuatu kumpulan yang tersebut di atas dan layak menyandang jawatan itu setelah aspek lain diambil kira.

Begitu juga halnya dengan jawatan-jawatan lain dalam kumpulan C dan D. Syarat-syarat yang telah ditetapkan harus terlebih dahulu dipenuhi sebelum seseorang itu dibolehkan untuk menyandang jawatan dalam kumpulan tersebut. Pengambilan kakitangan baru; pertukaran ke jabatan lain; kenaikan pangkat dan sebagainya tidak boleh dibuat dengan sesuka-hati oleh pihak-pihak yang berwajib tanpa merujuk kepada peruntukan Perintah Am.

Setelah mengambil kira fakta ini, maka bolehlah kita membuat kesimpulan secara rasional, sama ada tuduhan golongan yang tertentu ini benar atau tidak. Tetapi kesimpulan apakah yang boleh kita buat mengenainya? Golongan tertentu menuduh bahawa 90% daripada 62 jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan mempunyai pengarah yang berasal dari Semenanjung. Perkara ini terjadi mungkin kerana disengajakan oleh

kerajaan Persekutuan, tetapi berdasarkan ulasan di atas kita juga boleh membuat kesimpulan bahawa ini terjadi tanpa disengajakan.

Saya berani berkata begitu kerana sepanjang pengetahuan saya tidak ada anak Sabah dalam kumpulan *super-scale A* yang menganggur kecuali atas pilihan mereka sendiri. Pegawai-pegawai kerajaan anak Sabah dalam kumpulan G: A10, A9, A8, A7 dan sebagainya semuanya menyandang jawatan sebagai seliausaha tetap kementerian; pengarah di jabatan-jabatan kerajaan negeri; ketua-ketua eksekutif dalam badan-badan berkanun atau agensi-agensi kerajaan negeri dan sebagainya.

Sebab lain yang terlintas di kepala saya kenapa jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan kebanyakannya diketuai oleh pegawai-pegawai dari Semenanjung ialah hampir keseluruhan pegawai-pegawai tinggi anak Sabah, kecuali Datuk Haji Abdul Rashid Bolong (Pengarah Kastam dan Eksais Negeri Sabah) dan Encik Sanin Haji Pandin (bekas Pengarah LPN Sabah), tidak berminat untuk memegang jawatan di jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan, kerana mereka takut ditukarkan ke Semenanjung Malaysia.

Mengenai hal pegawai-pegawai kerajaan dalam kumpulan C dan D yang diimport dari Semenanjung, ini juga mungkin atas sebab bahawa tidak ada pegawai-pegawai anak Sabah dalam kumpulan C dan D yang mahu untuk ditukar dari jabatan kerajaan negeri ke jabatan kerajaan Persekutuan kerana takut ditukar ke negeri lain dalam Malaysia.

Mungkin juga kekosongan jawatan di jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan dalam kumpulan C dan D, tidak dapat diisikan dengan anak-anak Sabah yang minat dengan jawatan itu kerana syarat-syarat yang tertentu yang dipersyaratkan dalam Perintah Am oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak dapat dipenuhi oleh mereka.

Syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perintah Am tidak boleh dilonggarkan semata-mata untuk membolehkan anak-anak Sabah mengisi jawatan-jawatan kosong dalam jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan di Sabah.

Oleh itu adalah disarankan supaya anak-anak Sabah meningkatkan lagi daya saing mereka dalam semua bidang agar kita menjadi warganegara Malaysia yang bersikap positif dan sentiasa bertanya kepada diri sendiri, "Apa yang kita boleh buat untuk negara?" dan bukan "Apa yang negara boleh buat untuk kita?"

Dengan membangkitkan isu ini, seolah-olah golongan yang tertentu ini menggalakkan anak-anak Sabah untuk bertanya kepada negara, "Apakah Malaysia telah dan akan buat untuk anak Sabah?"

Boleh dikatakan bahawa sikap seperti ini adalah sikap rakyat yang tidak mahu memberikan sumbangan terhadap keharmonian, kemakmuran masyarakat dan pembangunan negara.

Apakah mesti kita teladani sikap sebegini?

BAB 9

Perkara 9: PEGAWAI BRITISH

"SEGALA USAHA HENDAKLAH DIBUAT UNTUK MENGGALAKKAN PARA PEGAWAI BRITISH KEKAL DALAM PERKHIDMATAN AWAM SEHINGGA TEMPAT MEREKA BOLEH DIAMBIL OLEH ORANG-ORANG YANG LAYAK DARI BORNEO UTARA."

KOMEN:

Syarat ini tidak dibangkitkan oleh golongan tertentu ini.

Perkara 10: KEWARGANEGARAAN

"SARANAN-SARANAN DALAM PERENGGAN 148 (k) LAPORAN SURUHANJAYA COBBOLD HENDAKLAH MERANGKUMI HAK-HAK KEWARGANEGARAAN RAKYAT BORNEO UTARA DALAM PERSEKUTUAN, TERTAKLUK KEPADA PINDAAN-PINDAAN BERIKUT:

- (A) PERENGGAN KECIL (i) TIDAK HARUS MENGANDUNGI PERUNTUKAN MENETAP SELAMA LIMA TAHUN;*
- (B) DEMI MENYELARASKANNYA KEPADA UNDANG-UNDANG KITA, PERENGGAN KECIL (ii) (a) HENDAKLAH BERBUNYI "TUJUH DARIPADA SEPULUH TAHUN" DAN BUKANNYA "LAPAN DARIPADA DUA BELAS TAHUN"; DAN*
- (C) PERENGGAN KECIL (iii) SEHARUSNYA TIDAK MENGANDUNGI SEKATAN BERHUBUNG DENGAN KEWARGANEGARAAN IBU-BAPA - SESEORANG YANG LAHIR DI BORNEO UTARA SELEPAS MALAYSIA MESTILAH MENJADI WARGANEGARA PERSEKUTUAN."*

DAKWAAN PENYELEWENGAN

Ramai rakyat Sabah yang dilahirkan sebelum hari kebangsaan tetapi hingga kini masih menghadapi masalah kewarganegaraan. Masih ada bumiputera yang tinggal di pedalaman yang masih memegang kad pengenalan berwarna merah kerana masalah tarik lahir mereka yang tidak boleh disahkan. Tetapi ada pelarian dan pendatang asing tanpa izin di Sabah mempunyai kad pengenalan biru yang menandakan mereka itu warganegara dan berhak mengundi.

Lebih kurang 198,000 orang pelarian dan pendatang asing tanpa izin ini telah memperolehi kad pengenalan.

Pengeluaran kad pengenalan adalah tanggungjawab kerajaan persekutuan dan bukan kerajaan negeri.

Kenapakah ini boleh berlaku?

ULASAN:

Masalah bumiputera yang masih memegang kad pengenalan merah kerana tidak ada sijil surat beranak adalah suatu masalah yang dihadapi oleh semua kaum bumiputera di Sabah termasuk bumiputera beragama Islam yang tinggal di pulau-pulau dan persisiran pantai negeri Sabah.

Malahan kaum bumiputera beragama Islam lebih teruk ditimpa masalah ini berbanding dengan bumiputera bukan Islam. Bagi bumiputera bukan beragama Islam, melalui bentuk rupa dan bahasa, mereka ini sudah boleh di "cam" sebagai bumiputera tulin. Tetapi, bagi suku-suku bangsa bumiputera beragama Islam seperti Suluk, Kagayan, Ubian, Simunol, Bajau dan Iranun sukar untuk dibezakan dari bentuk rupa dan bahasa dengan pelarian dan pendatang tanpa izin dari negara Filipina kerana bentuk rupa dan bahasa orang Bajau warganegara Filipina umpamanya, adalah sama dengan Bajau Sabah warganegara Malaysia.

Sebagai contoh:

Albert Kudus (bukan nama sebenar) adalah seorang bumiputera dari suku-kaum Murut beragama Kristian dan tinggal di Kampung Paal, Tenom, misalnya. Albert berumur 40 tahun tetapi masih memegang kad pengenalan merah kerana Albert tidak dapat membekalkan salinan surat beranak yang sah kepada pihak Jabatan Pendaftaran sewaktu memohon kad pengenalan. Albert dilahirkan di Kampung Paal dengan pertolongan seorang bidan kampung. Sewaktu dilahirkan ibu bapa Albert tidak melaporkan kelahiran Albert kepada pihak-pihak yang berwajib kerana maklumlah, 40 tahun yang lalu ibu bapanya menganggap perkara ini tidak penting dan mereka tidak tahu kepada siapa dan sebab apa perkara ini harus dilaporkan.

Karim bin Pandaog seorang bumiputera berumur 42 tahun dilahirkan di Pulau Tetabuan, Sandakan. Karim yang berbangsa Kagayan dan beragama Islam juga mempunyai masalah yang serupa dengan Albert iaitu masih memegang kad pengenalan merah. Sebab-sebabnya mengapa Karim tidak diberi kad pengenalan biru adalah sama seperti kes Albert.

Dalam kes Albert Kudus, sekiranya ada saksi-saksi tertentu seperti bidan yang telah membantu melahirkan Albert; atau Ketua Kampung; Ketua Anak Negeri; Orang Kaya-Kaya dan sebagainya yang boleh mengesahkan kelahiran Albert dan beliau melengkapkan dokumen-dokumen yang tertentu untuk kegunaan Jabatan Pendaftaran, besar kemungkinannya permohonan Albert untuk mendapatkan kad pengenalan biru akan diluluskan oleh jabatan Pendaftaran, kerana syak-wasangka tidak akan timbul di dalam fikiran pihak pegawai pendaftaran yang Albert ini berasal dari Filipina kerana Albert tidak serupa dengan orang Filipina dan tidak pandai bertutur bahasa Suluk, Bajau, Kagayan, Simunol atau Iranun.

Tetapi bagi Karim tanggungjawabnya untuk membuktikan kebumiputerannya adalah lebih berat daripada tanggungjawab Albert kerana syak-wasangka ini tetap wujud walaupun ada saksi-saksi yang tertentu dan Karim telah melengkapkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk melayakkan beliau memiliki kad pengenalan biru.

Tetapi golongan tertentu ini menzahirkan masalah ini dengan cara yang mengelirukan, seolah-olah bumiputera yang tinggal di pedalaman sahaja yang menghadapinya.

Seperkara penting lagi yang golongan tertentu ini tidak sentuh dan sengaja sembunyikan dari pengetahuan umum ialah pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang mereka maksudkan itu adalah terdiri dari kalangan orang-orang bukan beragama Islam seperti Lundayeh dan Murut, yang kebanyakannya tinggal di Daerah Sipitang, Kemabong dan Tenom. Mereka ini bukan bumiputera tulin negeri Sabah. Kesemuanya berasal dari Kalimantan dan Sarawak. Kalau orang-orang Filipina boleh sampai di Sabah dengan menaiki perahu, orang-orang ini datang dengan berjalan kaki melalui sempadan Sabah, Sarawak dan Kalimantan!

Mengenai dakwaan kononnya kad pengenalan biru diberikan oleh pihak yang berkuasa kepada pendatang asing tanpa izin, perkara ini telah dinafikan berkali-kali oleh pihak-pihak yang berwajib dalam kerajaan.

Melalui media massa kita telah ketahui bahawa kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap kakitangannya atau mana-mana pihak yang terlibat dalam pemalsuan kad pengenalan. Umpamanya, pada bulan September 1987, tiga orang tengah yang terlibat dalam pemalsuan kad pengenalan yang bersubhat dengan kakitangan dan pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara telah ditahan di bawah

ISA . Sindiket ini telah mengaku memalsukan 40 kad pengenalan dengan pembayaran sejumlah \$23,000.

Terdahulu dari kes ini beberapa orang pegawai dari jabatan yang sama telah ditahan di bawah ISA kerana terlibat dengan pemalsuan kad pengenalan dan mereka ini telah dihantar di Pulau Jerejak.

Tindakan ini menggambarkan bahawa kerajaan memandang serius terhadap masalah ini dan keseriusan ini terbukti apabila kerajaan mengambil keputusan untuk menukarkan rupa bentuk kad pengenalan sekarang kepada satu format yang baru.

Kad pengenalan baru sebesar kad kredit ini mempunyai empat ciri keselamatan dan mempunyai cap yang dapat dilihat hanya apabila dipancarkan dengan cahaya *ultra-violet*.

Menurut pihak Pendaftaran, kad pengenalan baru ini adalah amat sukar untuk dipalsukan. Untuk mengeluarkan satu kad pengenalan format baru yang palsu, sindiket pemalsu memerlukan perbelanjaan sejumlah \$100,000.

Kalaulah kerajaan Persekutuan, melalui agensi-agensinya terlibat dengan pemalsuan ini, seperti yang didakwa oleh golongan yang tertentu ini, sudah tentu format kad pengenalan yang ada sekarang yang mudah dipalsukan tidak ditukar.

Golongan tertentu ini harus sedar bahawa Malaysia kini sedang membangun dengan pesat. Pembangunan pesat ini sudah tentu "diiringi" oleh pelbagai masalah sosial seperti jenayah peras-ugut, penipuan, pemalsuan dokumen-dokumen penting, rompak-samun dan sebagainya.

Kalau di Malaysia kini terdapat ramai penjenayah yang telah ditangkap dan dihukum penjara kerana kes pemalsuan wang, kad kredit, pasport, lesen memandu dan sebagainya maka kita tidak harus hairan dengan adanya aktiviti pemalsuan kad pengenalan biru.

Ada juga pihak yang memberi bayangan bahawa kononnya terdapat perancangan untuk mendaftarkan pendatang asing tanpa izin untuk menjadi pengundi. Tetapi harus disedari bahawa kalau ini benar kawasan yang akan mendapat kesan buruknya ialah kawasan Islam kerana pendatang asing tanpa izin itu tentu didaftarkan di kawasan Islam dan ada kemungkinan suatu hari pendatang asing menjadi wakil di kawasan Islam.

Kawasan-kawasan bumiputera bukan Islam boleh dikesani kerana pendatang asing terlalu ketara di kawasan-kawasan itu.

Dept denies issuing ICs to those ineligible

KOTA KINABALU: Director of the National Service Department for Sabah, Abdul Rauf said his department has never issued Malaysian identity cards to people not eligible to hold them.

He advised those with proof that they have been wrongly held by the state government to lodge police reports.

Abdul Rauf said his department has never issued Malaysian identity cards to those ineligible to do so.

Abdul Rauf said his department has never issued Malaysian identity cards to those ineligible to do so.

(PBS) fifth congress that illegal immigrants were in possession of Malaysian identity cards and had registered as voters.

Datu Patinggi had said then that the state government was making an inquiry to set up a committee of inquiry to investigate how illegal immigrants could hold Malaysian identity cards.

Abdul Rauf said his department adhered to strict guidelines and observed clear rules in registering out its functions.

Abdul Rauf said his department would not entertain allegations by political parties with objection to the PBS.

Abdul Rauf said his department would not entertain allegations by political parties including the PBS.

Abdul Rauf said his department would not entertain allegations by political parties including the PBS.

Any breach of the rules, if at all there is, must be reported to the authorities so that legal action can be taken.

But we cannot entertain allegations and baseless accusations made so from political parties with objection to the PBS.

Abdul Rauf said his department would not entertain allegations by political parties including the PBS.

Abdul Rauf said his department would not entertain allegations by political parties including the PBS.

QUOTE OF THE WEEK

WE TOO CAN CONDEMN HIM
 — Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed in KL on Nov 5 when asked to comment on Datuk Joseph Paim Kinggan's statement at the recent PBS congress that he would be free to condemn the federal government in the Dewan Rakyat.

Perkara 11: TARIF DAN KEWANGAN

"BORNEO UTARA HENDAKLAH BERHAK MENGAWAL KEWANGAN TABUNG PEMBANGUNAN DAN TARIFNYA SENDIRI."

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Syarat ini menggambarkan perasaan sebenar pemimpin-pemimpin Sabah yang turut berunding dalam proses pembentukan Malaysia. Mereka beranggapan bahawa Sabah adalah *Equal Partner* atau rakan kongsi sama rata dalam Malaysia. Dengan hasil-hasil negeri yang belum dieksploitasi sepenuhnya dan potensi pengeluaran minyak yang banyak, pemimpin-pemimpin Sabah menjangka bahawa kerajaan negeri boleh menampung keperluan pembangunan sosio-ekonominya.

Kini, semua hasil dalam negeri, seperti yang tersenarai dalam Jadual 10 Bahagian iii, dipungut oleh kerajaan persekutuan. Ini termasuklah cukai pendapatan individu, cukai pendapatan syarikat, cukai eksport dan import, royalti minyak dan sebagainya.

Pendapatan kerajaan negeri dipungut dari hasil-hasil pengeksploitan kayu balak, lombong tembaga dan sejak 1974 pungutan hasil dari royalti minyak sebanyak 5% dari kerajaan Persekutuan.

Dalam penyelidikannya, Instituti Kajian Pembangunan (IDS) telah mendapati bahawa, sejak tahun 1976 kerajaan Persekutuan telah memungut hasil yang lebih banyak dari negeri Sabah daripada apa yang diperuntukkan oleh kerajaan Persekutuan untuk negeri ini. Itu pun, kebanyakan peruntukan tersebut adalah untuk perbelanjaan dan kegunaan jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan Persekutuan di Sabah, bukan untuk pembangunan negeri Sabah.

Royalti minyak sebanyak 5% yang diberi oleh kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri adalah tidak adil.

ULASAN:

Dalam persidangan Dewan Rakyat pada bulan November 1987, Datuk Mohammed Rahmat, bagi pihak Datuk Paduka Daim Zainuddin (sekarang Tun) telah memberitahu Dewan bahawa peruntukan pembangunan bagi negeri Sabah adalah lebih banyak daripada jumlah hasil yang dipungut oleh kerajaan persekutuan dari negeri itu.

"Ini jelas membuktikan bahawa kerajaan persekutuan tidak mengamalkan dasar 'pungut banyak dan beri sedikit'", Kata Datuk Mohammed Rahmat.

Penjelasan itu dibuat untuk menjawab pertanyaan Encik Shahidan Kassim, Ahli Parlimen kawasaan Arau (BN-Arau).

Penemuan IDS adalah bercanggah dengan penjelasan Menteri Kewangan Malaysia seperti yang disampaikan oleh Datuk Mohammed Rahmat dalam Dewan Rakyat. Maka itu terpulanglah kepada rakyat Sabah untuk membuat penilaian, siapakah di antara mereka ini yang bercakap benar. Tetapi dalam membuat penilaian, fakta penting yang harus diambil kira ialah ahli-ahli Dewan termasuk menteri-menteri tidak boleh membuat kenyataan palsu sewaktu berucap dalam Dewan. Sekiranya didapati berbuat demikian ahli atau menteri yang berkenaan boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Disiplin untuk diambil tindakan.

Selain dari itu, wakil-wakil parti pembangkang seperti Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang tidak akan melepaskan peluang keemasan untuk memalukan mana-mana menteri Barisan Nasional dalam persidangan Parlimen sekiranya jawapan-jawapan kerajaan kepada soalan-soalan dari ahli-ahli Parlimen didapati tidak benar. Sudah tentu Encik Lim Kit Siang akan laksanakan tugasnya sebagai ketua pembangkang iaitu akan pertikaikan setiap kenyataan palsu dari kerajaan.

Sehubungan dengan itu, sekiranya penjelasan yang dibuat oleh Datuk Mohammed Rahmat itu adalah tidak benar, kenapakah Encik Lim Kit Siang dan ahli-ahli Parlimen PBS seperti Encik Maidom Pansai tidak menegur atau membetulkan menteri yang berkenaan? Ini bermakna jawapan Datuk Mohammed Rahmat itu adalah benar, iaitu kerajaan persekutuan tidak mengamalkan dasar "pungut banyak dan beri sedikit".

Tetapi, sekiranya penemuan IDS itu tidak benar, siapakah yang akan mengambil tindakan disiplin terhadap IDS? Datuk Pairin?

Golongan yang tertentu ini sememangnya tahu bahawa sistem Federalisme yang diamalkan oleh negara Malaysia ini, adalah suatu sistem demokrasi yang berlandaskan konsep tolong-menolong dan hidup sandar-menyandar. Mereka tahu bahawa sistem ini berfungsi dengan cara memungut hasil dari negeri-negeri dalam persekutuan mengikut kemampuan dan mengagih-agih peruntukan mengikut keperluan, bukannya memungut mengikut kerelaan dan mengagih mengikut nafsu.

Oleh kerana kedudukan ekonomi negeri-negeri dalam Malaysia tidak sama, iaitu ada yang kaya dan ada pula yang miskin, maka negeri yang miskin menyumbangkan hasil yang sedikit kepada kerajaan Persekutuan dan negeri yang kaya pula memberi sumbangan yang lebih.

Tetapi dalam proses pengagihan, kadangkala negeri miskin mendapat peruntukan yang banyak dan merasa beruntung manakala negeri kaya mendapat peruntukan yang sedikit (walau pun sumbangannya banyak) dan merasa rugi.

Sabah, Sarawak dan Terengganu adalah negeri-negeri yang kaya dalam Malaysia. Ketiga-tiga negeri ini mempunyai hasil minyak, tetapi cuma 5% sahaja daripada jumlah hasil minyak yang di keluarkan dapat diterima oleh negeri-negeri ini. Dalam hal ini Sabah, Sarawak dan Terengganu tidak boleh merungut kerana sistem politik persekutuan sememangnya berfungsi begini.

Sekiranya Sabah, Sarawak dan Terengganu tidak mempunyai hasil minyak, tetapi Perlis dan Melaka pula yang menghasilkan bahan tersebut, perkara yang sama akan berlaku. Perlis dan Melaka tidak boleh merungut atau mengatakan bahawa kerajaan Persekutuan tidak adil.

Negeri Sabah sungguh beruntung kerana mempunyai hasil-hasil yang banyak. Kalaulah semua hasil dalam negeri ini dapat digunakan oleh Sabah sendiri, sudah tentu hasil ini lebih daripada mencukupi untuk menampung keperluan pembangunannya. Tetapi seandainya hasil-hasil ini pupus dan dengan takdir Tuhan pula, negeri Perlis yang terkecil dan termiskin dalam Malaysia menemui minyak yang banyak seperti negara Brunei, pada waktu itu Perlis akan mengalami keadaan yang dirasai oleh Sabah sekarang.

Kalau kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menaikkan royalti minyak kita dari 5% ketahap 25%, kenaikan itu tentulah akan kita sambut dengan senang hati. Tetapi kenaikan itu tidak boleh memberi jaminan bahawa

negeri Sabah akan terus maju dan membangun dengan pesat kerana semua ini bergantung kepada pemikiran, dayausaha dan keikhlasan pemimpin-pemimpin negeri.

Dahulu negeri Sabah terkenal dengan hasil balaknya. Kalau semua hasil kayu balak yang telah dieksport ke luar negeri telah digunakan dengan baik untuk membangunkan negeri Sabah, sudah tentu kita sudah berganda-ganda lebih maju daripada sekarang ini. Ini bererti, tidak ada gunanya kita mempunyai hasil yang banyak kalau hasil tersebut tidak dapat dimanfaatkan oleh rakyat kerana diselewengkan oleh pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu kalau kita buat perbandingan di antara kerajaan USNO, BERJAYA dan PBS dari segi pencapaian membangunkan negeri Sabah, sudah tentu kita tidak boleh menafikan bahawa dalam pemerintahan BERJAYA selama sembilan tahun kedudukan ekonomi negeri Sabah dan pembangunan negeri Sabah secara keseluruhan adalah jauh lebih tinggi daripada pencapaian USNO dan PBS.

Bangunan-bangunan yang indah di Kota Kinabalu dan bangunan-bangunan baru di daerah-daerah lain banyak yang telah dibina sewaktu kerajaan BERJAYA. Badan-badan berkanun dan agensi-agensi kerajaan seperti KPD, SAMA, SAFMA, SFI, SGI, SAFODA, KO-NELAYAN, SLDB, SEDCO, SABAH SHIPYARD dan lain lain yang berperanan membantu kerajaan negeri untuk memesatkan pembangunan ekonomi, juga telah ditubuhkan oleh kerajaan BERJAYA.

Tetapi, setelah memerintah negeri Sabah selama lebih kurang tujuh tahun, kerajaan PBS masih tidak dapat menunjukkan apa-apa pencapaian selain daripada banyak bercakap dan menggagalkan semua projek-projek kerajaan negeri yang diwarisinya dari kerajaan BERJAYA. SGI dan Sabah Shipyards terpaksa diwastakan kerana kerugian besar dan nasib yang sama tidak lama lagi akan menimpa SFI.

Dengan prestasi kepimpinan yang sedemikian, haruskah kita mempercayai pemimpin-pemimpin PBS bahawa dengan tertunainya permintaan mereka dari kerajaan Persekutuan, iaitu royalti minyak ditambah dari 5% ke tahap 25%, negeri Sabah akan maju?

Sabah gets more than it gives KL: Rahmat

KUALA LUMPUR, Mon. — The Federal government's development allocation for Sabah exceeds the total revenue collected from the State, Information Minister Datuk Mohamed Rahmat said today.

This clearly showed the Federal government did not practise a "collect more and give less" policy, he said to a question from Enik Shahidan Kassin (BN-Arau) in the Dewan Rakyat. He was replying on behalf of the Finance Minister.

To the original question by Enik Madatang Morejal (BN-Bandar), he said Federal government revenue from Sabah was derived from income tax, import, export, and excise duties, road tax, service tax, stamp duties and petroleum royalties from 1980 to last year.

The breakdown of revenue collected during the period is \$763.5 million (1980), \$861 million (1981), \$990 million (1982), \$1.1 billion (1983), \$1.1 billion (1984), \$1 billion (1985) and \$795 million (1986).

Deputy Health Minister Datuk K. Pachmanaban told the House the government had to postpone construction of a health centre in Pulau Bum-Bum, Semporna, owing to financial constraints.

He told Hajj Sakaran Dandai (BN-Semporna) that as a temporary measure, mobile medical units would provide health services to the people here.

Datuk Pachmanaban also said the government was aware of congested conditions in the Semporna District Hospital and would overcome the problem with its financial position permits.



Datuk Mohd Rahmat

• **DEPUTY** Energy, Telecommunications and Posts Minister Abdul Ghani Othman told the House that fewer complaints were received over telephone bills than in previous years.

He said 57,056 complaints were received in 1986 while up to September this year 39,879 complaints were received.

The complaints had markedly decreased in Selangor and the Federal Territory with the introduction of the details billing system, he said.

Of the 399,793 subscribers in the central region only 35,000 had applied for detailed billing, he said.

Those wishing to have the service need only pay an additional \$1 per month and should be subscribing for at least six months.

The STM is planning to extend the service to other areas soon.

• **THERE** were 172 abandoned private housing projects involving 30,405 units in Peninsular Malaysia to September this year.

Deputy Housing and Local Government Minister



Datuk S. Subramaniam said special units comprising enforcement and technical officers had been set up as part of efforts to overcome the problem.

The units had helped revive several abandoned housing projects including 15 projects where the houses had already been issued with Certificates of Fitness (CF).

• **THE** Perwira Habib Bank suffered losses of \$412.2 million in 1985 and \$261.4 million last year.

Information Minister Datuk Mohamed Rahmat said the losses resulted from poor management, over-expansion, imprudent banking practices and weak supervision.

Appropriate action had been taken to strengthen its management, especially through a change of staff, and to overcome the shortcomings, he said.

Datuk Mohamed, who was replying on behalf of the Finance Minister, said a foreign consultant had also been engaged to study the banking procedures and management there.

On management deviation and abuse of powers, he said the police were finalising their investigations and so far court action had been taken against several people.

Datuk Mohamed said under its new Board of Direc-

tors and management, the bank had made profits for the first six months ending June this year.

• **The** Education Ministry has taken several measures to contain the outbreak of hysteria in schools, including asking the school authorities to ensure that the hostels are comfortable and peaceful.

Deputy Minister Dr Leo Michael Toyed said the schools were asked to create the "mentor" system where teachers become foster mothers or fathers to the students, especially to look after their welfare and help solve their personal problems.

Besides encouraging the students to take part in various co-curricular programmes, the schools were also asked to step up counselling activities.

So far, hysteria outbreaks have been reported in religious schools which were not under the purview of the Ministry while there were no reports of such incidents in government secondary schools.

• **Malaysia** has Liquefied Natural Gas (LNG) reserves for up to more than 100 years based on reserves identified in several areas, Minister in the Prime Minister's Department Kassim Gaddam said.

Perkara 12: KEDUDUKAN ISTEMEWA KAUM BUMIPUTERA

"PADA PRINSIPNYA SUKU KAUM BUMIPUTERA DI BORNEO UTARA HENDAKLAH MENIKMATI HAK-HAK ISTEMEWA SEPERTI YANG DINIKMATI OLEH KAUM MELAYU DI MALAYA, TETAPI FORMULA MALAYA YANG DIGUNAKAN DI MALAYA KETIKA INI TIDAK SEMESTINYA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK BORNEO UTARA."

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Pada dasarnya keistimewaan untuk bumiputera Sabah diiktiraf oleh undang-undang, tetapi pelaksanaan dasar ini menimbulkan kesangsian.

Umpamanya, apabila sesuatu kekosongan pekerjaan diiklankan di Semenanjung Malaysia yang mempelawa bumiputera untuk mengemukakan permohonan, pada hakikatnya pemohon yang dipelawa ialah bumiputera keturunan Melayu berasal dari Semenanjung. Tradisi atau amalan ini dibawa ke Sabah dalam pemerintahan USNO dan BERJAYA. Pada waktu itu layanan yang diberi kepada bumiputera di Sabah adalah bergantung kepada kepercayaan agama. Amalan ini telah mewujudkan dua kategori bumiputera, iaitu bumiputera Islam dan bumiputera bukan Islam. Ekoran dari amalan ini ramai pegawai-pegawai Kadazan dan Murut yang terkilan dalam soal kenaikan pangkat dan pengambilan kakitangan baru.

ULASAN:

Sewaktu BERJAYA memerintah, bukan hanya pegawai-pegawai kerajaan dari keturunan Kadazan dan Murut sahaja yang "tertindas", tetapi pegawai-pegawai kerajaan beragama Islam juga ada yang menjadi mangsa. Mereka yang ditekan pada waktu itu ialah pegawai-pegawai yang condong kepada perjuangan USNO (pembangkang) seperti Encik Sanin Haji Pandin, Rahim Musally, Jalumin Jahali, Datuk Halim Abbic dan lain-lain. Pegawai-pegawai tersebut ditekan secara mental dengan dikurung di bilik pejabat yang tidak mempunyai kelengkapan sebagai pejabat yang sesuai

dengan taraf jawatan mereka. Mereka ini adalah pegawai-pegawai kanan kerajaan dalam kumpulan A. Di samping tidak disediakan alat-alat pejabat, pegawai-pegawai ini juga telah "dilucutkan" tugas masing-masing. Dalam erti kata yang lain, pada waktu itu mereka ini hanya makan gaji buta, bukan atas kehendak peribadi, tetapi atas tekanan politik.

Untuk mengetahui sama ada pegawai-pegawai bumiputera bukan Islam ditindas atau tidak sewaktu kerajaan BERJAYA, seseorang itu tidak perlu membuang masa untuk membuat penyelidikan yang terperinci. Untuk mengetahui keadaan yang sebenar, seseorang itu cuma perlu melihat bilangan suku kaum yang menjawat jawatan-jawatan tinggi dalam jabatan-jabatan penting, seperti jadual di bawah.

Nama	Keturunan	Jabatan	Jawatan.
William Shim	Cina	Hasil Bumi	Setiausaha
Aron Liew	Cina	Tanah dan Ukur	Pengarah
Ben Stephens	Kadazan	Yayasan Sabah	Pengarah
Jeffrey Kitingan	Kadazan	Yayasan Sabah	T. Pengarah
Miller Munang	Kadazan	Perhutanan	T. Pengarah
Monggoh Orow	Dusun	J. Ketua Menteri	T. Setiausaha

Jabatan-jabatan kerajaan yang penting dalam negeri Sabah ialah Jabatan Hasil Bumi (mengendalikan hal-hal tanah dan balak), Jabatan Tanah dan Ukur (menguasai hal-hal permohonan tanah), Yayasan Sabah (dipertanggungjawabkan dengan pentadbiran dan pengurusan tanah kayu balak yang luas), Jabatan Perhutanan (mengeluarkan lesen-lesen balak dan memungut royalti) dan Jabatan Ketua Menteri bahagian perjawatan (bertanggungjawab dengan pengambilan kakitangan kerajaan negeri yang baru).

Kalau kerajaan BERJAYA sanggup memberi jawatan-jawatan yang tertinggi di dalam sesebuah jabatan kerajaan yang penting kepada bumiputera bukan Islam sepertimana yang tercatat dalam Jadual di atas, apa pula logiknya pegawai-pegawai rendah didiskriminasikan?

Kalaulah benar dakwaan golongan yang tertentu ini bahawa ramai pegawai-pegawai Dusun/Kadazan dan Murut yang tertindas, pegawai-

pegawai yang tersebut di-atas harus dipertanggungjawabkan kerana sedikit sebanyak, sebagai pegawai-pegawai kerajaan yang memegang jawatan yang tinggi, mereka ini boleh mempengaruhi tindakan kerajaan negeri.

Perbuatan menindas adalah amalan yang harus dikecam oleh semua pihak dan sekiranya dakwaan ini benar, maka padan jugalah kerajaan BERJAYA dahulu dihukum oleh rakyat dan digantikan dengan kerajaan PBS.

Tetapi, sekiranya perbuatan yang dikutuk oleh golongan yang tertentu ini dilakukan pula oleh PBS, apakah golongan ini juga akan sanggup menghukum kerajaan PBS?

Di dalam Jadual yang berikut disenaraikan bilangan pemegang-pemegang jawatan dan keturunan masing-masing sewaktu pemerintahan PBS dalam tahun 1987.

Jawatan	Bilangan Suku Kaum		
	Dusun/Kadazan	Cina	Melayu
Menteri	6	2	1
Pembantu Menteri	7	2	3
Setiausaha Politik	11	5	5
Pegawai Kemajuan Rakyat (PKR)	27	10	11
Community Development Officer (CDO)	26	11	11
Ketua-Ketua Jabatan	17	15	10
Pengurus Badan-Badan Berkanun	16	8	2
Pengarah Eksekutif Badan-Badan Berkanun	15	5	10
Pegawai Daerah	10	2	14
Presiden Majlis Perbandaran	1	1	1
Majlis-Majlis Daerah	10	2	14
Kounselor	6	39	18
Ahli-Ahli Majlis Daerah	119	64	74

Daripada senarai perlantikan tersebut di atas yang berjumlah 611 jawatan, cuma 174 jawatan diberikan kepada Melayu atau Islam. Ini bermakna Melayu atau Islam cuma mewakili 20% daripada perlantikan dari jawatan-jawatan dalam kementerian, parti politik, jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan majlis-majlis daerah.

Statistik ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan pegawai-pegawai yang beragama Islam adalah tidak seimbang dengan kedudukan pegawai-pegawai bumiputera bukan Islam. Kalau golongan yang tertentu ini merasa terkilan dengan tindakan USNO dan BERJAYA dahulu terhadap kaum Dusun/Kadazan dan Murut, maka begitu jugalah perasaan orang-orang Islam sekarang terhadap kerajaan PBS.

Golongan tertentu ini sememangnya tahu kedudukan perkara yang sebenar, tetapi mereka sengaja menimbulkan isu ini untuk menyembunyikan ketidakadilan kerajaan PBS, dan pada masa yang sama orang-orang Dusun/Kadazan dan Murut yang kurang arif dengan kedudukan yang sebenar akan membenci pemimpin-pemimpin Islam dan masyarakat Islam di Sabah. Tak ubahlah seperti kata peribahasa "lempar batu sembunyikan tangan."

BAB 13

Perkara 13: KERAJAAN NEGERI

- * (a) *KETUA MENTERI HENDAKLAH DIPILIH OLEH ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS PERUNDANGAN TIDAK RASMI;*
- (b) *SISTEM MENTERI YANG SEMPURNA HENDAKLAH DIJUJUDKAN DI-BORNEO UTARA."*

KOMEN:

Syarat ini menurut golongan yang tertentu ini telah dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Perkara 14: TEMPOH PERALIHAN

"TEMPOH PERALIHAN HENDAKLAH TUJUH TAHUN, DAN DALAM TEMPOH ITU, KUASA PERUNDANGAN HENDAKLAH DISERAHKAN PADA NEGERI BORNEO UTARA OLEH PERLEMBAGAAN DAN TIDAK SEKADAR DIAMANAHKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN."

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Perkara ini tidak dimasukkan dalam Perjanjian Malaysia atau Perlembagaan Persekutuan, walaupun Suruhanjaya Cobbold mengesyorkan supaya diadakan tempoh peralihan kuasa dengan tempoh minima tiga tahun dan maksima tujuh tahun. Perkara ini ada dibincangkan dalam Perenggan 34 laporan IGC.

Tujuan tempoh peralihan ini adalah untuk membolehkan peningkatan kesedaran politik di kalangan rakyat negeri Sabah, supaya mereka faham akan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin. Malaya dan Singapura telah mempunyai pengalaman dalam mentadbir negeri sendiri, sementara Sabah dan Sarawak telah tidak berpengalaman sebelum penubuhan Malaysia.

Seandainya tempoh peralihan ini telah dilaksanakan, perhubungan Kuala Lumpur dan Sabah tidaklah menjadi begitu tegang seperti sekarang.

ULASAN:

Walaupun sekiranya tempoh peralihan selama tujuh tahun dilaksanakan, kedudukan politik negeri Sabah tidak akan berlainan dari apa yang sudah dialaminya. Ini adalah kerana sebilangan banyak pemimpin-pemimpin yang menerajui kerajaan negeri Sabah dari tahun 1963 sehingga tahun 1970 adalah wakil-wakil Sabah dalam perundingan kemasukan Sabah ke dalam Malaysia. Donald Stephens (Tun Fuad) dan Datu Mustapha (Tun Mustapha) adalah bekas-bekas Ketua Menteri Sabah dan merupakan

penggerak utama dalam proses perundingan kemasukan Sabah dalam Malaysia.

Sekiranya Donald Stephens dan Datu Mustapha telah tidak puas hati dengan hubungan Sabah dan Kuala Lumpur dalam tempoh tujuh tahun itu, iaitu sejak tahun 1963 sehingga tahun 1970, kenapakah kedua-dua pemimpin tersebut tidak mendesak Kuala Lumpur secara agresif untuk berunding semula, mengkaji kedudukan Sabah dalam Malaysia.

Pada masa yang sama kenapakah tidak ada rakyat Malaysia di Sabah yang memberontak atas sebab ketidakpuasan terhadap kerajaan pusat?

Ketegangan hubungan di antara Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur sekarang ini berpunca dari ciri-ciri kepimpinan PBS yang ekstrim dan tidak pandai bertolak ansur. Kalau dahulu Donald Stephens sanggup membubarkan UPKO untuk bergabung dengan USNO demi untuk kestabilan politik negeri Sabah, Datuk Pairin dan PBS menolak "Formula Sabah" pada tahun 1986 kerana beliau lebih mengutamakan kepentingan segelintir pemimpin-pemimpin PBS daripada masa hadapan rakyat Sabah. Berpunca dari penolakan "Formula Sabah" itulah maka hubungan buruk antara Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur bertambah runcing dan bukan kerana tempuh peralihan yang tidak dilaksanakan.

BAB 15

Perkara 15: PELAJARAN

"SISTEM PENDIDIKAN YANG ADA DI BORNEO UTARA SEKARANG HENDAKLAH DIKEKALKAN DAN DILETAKKAN DI BAWAH BIDANG KUASA KERAJAAN NEGERI."

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Syarat ini bertujuan untuk mengekalkan sistem pendidikan di Sabah di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan maktab perguruan.

Wakil-wakil Sabah dalam perundingan menghendaki pendidikan dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain seperti Kadazan dan Cina, perlu diajar di sekolah-sekolah rendah secara sukarela.

Pada tahun 1973 kerajaan USNO telah meminda Perlembagaan Negeri Sabah dan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Sebelum itu, pada tahun 1970, kerajaan USNO telah mengikut jejak langkah Semenanjung Malaysia untuk menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah.

Tindakan ini tidak berlandaskan undang-undang dan peraturan kerana pada waktu itu Akta Pelajaran 1961 belum berkuatkuasa di Sabah. Penguatkuasaannya dipanjangkan ke Sabah hanya pada tahun 1976.

IGC melaporkan, "keperluan negeri-negeri Borneo hendaklah diberi perhatian khas dan kemahuan (idaman) untuk menempatkan beberapa institusi di negeri-negeri ini harus diingati".

Laporan IGC yang membangkitkan secara khusus tanggungjawab kerajaan persekutuan mengenai pembangunan infrastruktur pendidikan di Sabah telah diabaikan.

Secara keseluruhan kerajaan persekutuan tidak banyak membantu kerajaan negeri Sabah dalam soal pembangunan kemudahan pengajian

tinggi, selain daripada mendirikan kampus Yayasan Sabah-Institusi Teknologi MARA (YS-ITM) dan kampus sementara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Derma kerajaan negeri dalam bentuk tanah seluas 364 hektar untuk tapak kampus UKM berserta dengan sumbangan sebanyak \$5 juta dari Yayasan Sabah, tidak dapat menarik minat kerajaan Persekutuan untuk mendirikan kampus tetap di Sabah. Tetapi di Kedah, kerajaan Persekutuan membiayai Universiti Utara Malaysia (UUM).

Kejadian ini, bukan saja bercanggah dengan laporan IGC tetapi juga membuktikan bahawa pengagihan peruntukan untuk pendidikan di negeri-negeri dalam persekutuan Malaysia adalah tidak adil.

ULASAN:

Kebaikan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi telah dibincangkan dalam ulasan Perkara 2: BAHASA, dalam BAB 2 di atas.

Walaupun tindakan kerajaan USNO membenarkan Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah bercanggah dengan undang-undang atau peraturan, seperti yang didakwa, namun, tindakan tersebut harus dipuji dan boleh disifatkan sebagai tindakan sebuah kerajaan yang berpandangan jauh dari aspek komitmennya terhadap dasar penyatuan negara dan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Ini adalah kerana, antara lain, cara yang paling berkesan untuk menuju ke arah ini ialah melalui sistem pendidikan dengan Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar utama.

Manakala tindakan kerajaan pusat memanjangkan peruntukan Akta Pelajaran 1961 ke Sabah pada tahun 1976, iaitu lebih kurang 14 tahun setelah Sabah merdeka melalui Malaysia, merupakan suatu tindakan yang bijak dan wajar. Ini adalah kerana, sekiranya kerajaan pusat telah membiarkan kerajaan negeri Sabah untuk mengekalkan sistem pendidikan yang diwarisinya dari penjajah British sejajar dengan kehendak Perkara 15, sudah tentu rakyat negeri Sabah tidak akan dapat menikmati Dasar Pendidikan Negara Malaysia seperti yang dinikmatinya sekarang ini.

Sistem pendidikan yang diwarisi oleh negeri Sabah dari penjajah British adalah sistem yang berteraskan dengan falsafah pendidikan British. Maka

Lebih banyak universiti akan ditubuh — Sulaiman

KUALA LUMPUR, Selasa. — Lebih banyak universiti akan dibina bagi mengatasi kekurangan kira-kira 150,000 tempat bagi penuntut yang ingin mendapatkan pendidikan tinggi setiap tahun, demikian menurut Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud hari ini.

Bagi setiap 100 orang pemohon yang layak, institut peringkat ketiga di negara ini hanya mampu menawarkan tempat kepada 33 orang, memaksa mereka yang lain itu pergi ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran, katanya.

Dalam usaha kerajaan menambah jumlah tempat bagi pendidikan peringkat ketiga melalui penubuhan lebih banyak universiti, sektor swasta pula haruslah mengambil bahagian secara pesat dalam pembangunan pendidikan negara, katanya ketika merasmikan persidangan pendidikan di sini.

Persidangan dua hari mengenai Penyusunan Semula Pendidikan dan Pertumbuhan Ekonomi: Peranan Sektor Swasta itu dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia dengan dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia dengan tajaan bersama Yayasan Friedrich Naumann dari Jerman.

Pendidikan

Sulaiman berkata, sektor swasta boleh menawarkan pendidikan yang tidak dapat ditawarkan atau disediakan oleh kerajaan, seperti kursus profesional yang mendapat permintaan ramai tetapi tidak terdapat di tempatan.

"Ini akan dapat mengurangkan pengaliran keluar tabung bagi membiayai pendidikan di seberang laut," katanya.

Beliau menggesa sektor swasta membuka jalinan kepada bidang pendidikan yang "sukar" yang termasuk kejuruteraan dan teknologi.

Katanya, walaupun penubuhan Universiti Sarawak Malaysia, universiti ketujuh negara, merupakan usaha mutakhir dalam lebih banyak universiti, kerajaan tidak boleh bertindak sebagai penyedia tunggal pendidikan kerana sumber kewangannya yang terhad.

DAILY EXPRESS
4 NOV. 1992
M. 18

Sekarang ini terdapat kira-kira 160 institut swasta pendidikan, termasuk 35 yang berdaftar dengan kementerian, menawarkan program kembar dengan universiti asing.

Datuk Dr. Kamal Salih dari Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, dalam kertas kerjanya berkata, universiti ketujuh Malaysia itu serta dua buah maktab dan lima buah politeknik yang sedia ada masih belum cukup untuk menampung keperluan negara yang kian meningkat. — Bernama.

itu, sudah tentu sistem pendidikan tersebut adalah untuk kepentingan negara Britain.

Umpamanya, mata pelajaran Sejarah yang diajar di sekolah-sekolah di bawah sistem ini memberi penekanan bahawa pejuang-pejuang tanah air kita (Sabah) yang tidak mahu dijajah oleh bangsa lain dan bermati-matian untuk mebebaskan diri dari belenggu pemerintahan penjajah, seperti Mat Salleh, Sharif Osman, Sigunting, Antenom, Kulindad, Datu Undok, Kamuntah dan lain-lain telah disifatkan oleh penjajah British sebagai pemberontak. Sedangkan mereka ini adalah pejuang-pejuang nasionalis.

Melalui sistem pendidikan British juga, orang-orang yang dijajah, "dididik" untuk menghormati orang-orang yang berkulit putih, kononnya manusia yang berkulit putih adalah lebih "superior" atau tinggi taraf kemanusiaannya daripada bangsa lain.

Oleh sebab itulah, pada masa pemerintahan British dahulu, orang-orang tua kita apabila sahaja terserempak dengan manusia yang berkulit putih, lantas berdiri tegak seperti telata seorang anggota polis yang memberi hormat kepada ketuanya dan berkata, "Tabek Tuan" atau "Tabek Mem."

Sehubungan dengan ini, saya teringat satu cerita lucu yang terjadi di daerah Sipitang sewaktu kerajaan penjajah British dahulu, di mana seorang bumiputera telah terjatuh di dalam sungai apabila perahu yang dinaikinya berlimpaskan dengan sebuah perahu yang ditumpangi oleh beberapa orang yang berkulit putih. Sibumiputera tersebut terjatuh kerana kononnya, sewaktu berlimpaskan, secara automatik dia berdiri tegak dan memberi hormat "tabek tuan" kepada orang-orang yang berkulit putih itu. Malangnya perahunya terlalu kecil untuk tempat beraksi sedemikian, maka dayungnya tercampak di dalam sungai dan dia juga turut terjatuh.

Dengan kejadian seperti itu, haruskah kita mempersetujui saranan golongan yang tertentu ini untuk mengekalkan sistem pendidikan British?

Kalaupun misalnya, setelah merdeka, sistem pendidikan British dikekalkan seperti yang dituntut oleh Perkara 15, dan beberapa tahun selepas itu kerajaan negeri menggubal pula satu dasar pendidikan yang baru, sesuai dengan kehendak dan keperluan rakyat negeri Sabah, dasar pendidikan baru ini tidak akan mendatangkan manfaat kepada kita, sekiranya dasar itu tidak sama dengan Dasar Pendidikan Negara.

Dasar Pendidikan Negara digubal dengan berteraskan sejarah (yang tidak diputarbelitkan), iklim, suasana dan persekitaran politik, ekonomi dan sosial setempat, dan disesuaikan dengan tuntutan persekitaran dan keperluan semasa serta masa hadapan rakyat Malaysia. Oleh kerana pendidikan itu adalah pelaburan jangka panjang untuk menyediakan tenaga mahir generasi baru yang akan menjawab cabaran masa akan datang (Wawasan 2020), maka bidang ilmu baru seperti *information technology*, yang mengutamakan komputer telah diperkenalkan.

Dalam laporannya untuk tahun 1991, Bank Dunia telah memuji negara Malaysia kerana pembangunannya yang pesat serta kedudukan ekonominya yang kukuh. Pencapaian Malaysia dalam bidang ini disetarakan dengan Korea, Thailand dan Indonesia. Ketiga-tiga negara ini mempunyai sistem pendidikan yang digubal khas untuk negara masing-masing dan menggunakan bahasa sendiri sebagai bahasa pengantar.

Rakyat Sabah keseluruhannya seharusnya berbangga dengan pencapaian Malaysia ini, berbanding dengan negara-negara dunia ketiga yang lain. Ini adalah kerana, sebagai rakyat sebuah negeri (Sabah) di dalam Persekutuan Malaysia, secara langsung kita turut terlibat dan mendapat manfaat dari kejayaan ini.

Tetapi, lihatlah apa yang sedang berlaku dengan negara jiran kita Filipina dan India, yang menggunakan bahasa Inggeris secara meluas. Apakah kelebihan negara-negara ini berbanding dengan negara kita?

Tidakkah kita nampak bahawa, kegagalan negara Filipina, antara lain ialah disebabkan oleh pengaruh Amerika Syarikat yang kental ke atas negara itu melalui sistem pendidikannya, di mana sistem ini tidak sesuai dengan budaya dan iklim persekitaran setempat?

Kalau kita kekalkan penggunaan sistem pendidikan British di Sabah seperti yang disarankan oleh golongan yang tertentu ini, apa gunanya kita menyertai persekutuan Malaysia? Apa gunanya 13 buah negeri yang berasingan berpakat untuk menubuhkan sebuah negara, kalau negeri-negeri tersebut masih juga ingin mengekalkan sistem politik, pentadbiran dan pendidikan masing-masing. Bukankan keadaan yang sedemikian bercanggah dengan matlamat penubuhan sebuah kerajaan persekutuan yang benar-benar bersepadu dalam semua bidang?

Melalui pendidikan perpaduan negara boleh dicapai. Umpamanya, mata pelajaran Sejarah adalah diwajibkan bagi semua pelajar dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Ini adalah untuk membina asas pemahaman yang kukuh mengenai negara, sejarah pertumbuhannya dan rasional penggubalan perlembagaan dan dasar-dasar utama negara.

Falsafah pendidikan negara digubal bukan sahaja bertujuan untuk menyatupadukan semua rakyat 13 negeri-negeri dalam persekutuan Malaysia, tetapi merangkumi banyak aspek. Falsafah tersebut adalah seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. (1988)

Dengan falsafah pendidikan sedemikian, apakah lagi rungutan orang-orang yang tertentu ini sehingga mereka mengungkit Perkara 15? Adakah falsafah pendidikan Malaysia kini menindas kaum bumiputera di Sabah yang bukan beragama Islam?

.Falsafah pendidikan negara yang baru ini, antara lain merangkumi:

- (a) Pembentukan insan; dan
- (b) Pendemokrasian pendidikan.

Pembentukan insan dalam konteks falsafah pendidikan negara ialah pengajaran mata pelajaran Pendidikan Agama dan Pendidikan Moral yang bertujuan untuk membina masyarakat yang bertakwa dan berdisiplin.

Manakala pendemokrasian pendidikan pula bertujuan untuk memberi peluang yang sama rata di semua peringkat pendidikan. Untuk menjayakan hasrat ini, kerajaan memberi penekanan kepada pengagihan peruntukan secara adil dengan memberikan keutamaan kepada kawasan luar bandar di

Semenanjung, kawasan pedalaman di Sabah dan di Sarawak serta kawasan-kawasan yang sesak dan miskin di bandar-bandar.

Kalau rungutan golongan yang tertentu ini berpunca dari keengganan kerajaan pusat untuk mendirikan sebuah universiti di negeri ini, keengganan itu telah pun diterangkan oleh bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Menteri Pendidikan itu tidak memersetujui permintaan kerajaan PBS kerana bilangan penuntut-penuntut di Sabah adalah terlalu kecil untuk memerlukan pembangunan sebuah universiti.

Kata beliau, keperluan penuntut-penuntut Sabah peringkat universiti dapat ditampung oleh universiti-universiti di Semenanjung Malaysia dengan perbelanjaan yang jauh lebih murah berbanding dengan mendirikan sebuah bangunan universiti yang baru di Sabah.

Disamping mengambil kira kos membangunkan sebuah universiti yang baru, kos pentadbiran universiti itu dan faktor-faktor lain adalah antara sebab-sebab penolakan permohonan tersebut oleh kerajaan Persekutuan.

Walaupun kerajaan Persekutuan mempunyai tanggungjawab untuk pembangunan pendidikan di Sabah seperti yang dituntut oleh laporan IGC, tetapi kerajaan Persekutuan juga mempunyai tanggungjawab kepada rakyat, iaitu berjimat-cermat dalam soal membelanjakan wang rakyat. Tanggungjawab seperti ini adalah selaras dengan pemikiran IGC di mana badan itu tiada melaporkan bahawa kerajaan persekutuan mesti membina institusi pengajian tinggi di Sabah walaupun itu akan membazir kewangan (keranan tidak setimpal dengan keperluan). IGC cuma mengingatkan pemimpin-pemimpin persekutuan mengenai tanggungjawab mereka berhubung dengan pendidikan di Sabah. Tetapi pelaksanaan tanggungjawab itu adalah terletak kepada kebijaksanaan pemimpin-pemimpin yang berkenaan untuk kebiakan semua rakyat Malaysia.

Walaupun demikian kita memang bersetuju kalau sebuah universiti didirikan di Sabah, seperti yang sudah dirancangkan untuk Sarawak, tetapi universiti sedemikian tidak akan dapat dibina kalau hubungan Sabah dan Kuala Lumpur terus tegang.

Mengenai dakwaan ketidakadilan kerajaan pusat dalam soal pengagihan peruntukan untuk pendidikan di Sabah, dakwaan ini dinafikan oleh bekas

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Sewaktu melawat Kundasan pada 4hb September 1987, Datuk Seri Anwar memberitahu pemberita bahawa peruntukan pendidikan untuk negeri Sabah bagi projek-projek sekolah peringkat menengah pada tahun itu, yang berjumlah \$70.6 juta adalah merupakan peruntukan yang terbesar sekali di Malaysia. Pada tahun itu peruntukan keseluruhan bagi negeri Sabah untuk pendidikan ialah \$106 juta.

"Ini jelas membuktikan bahawa tuduhan kononnya Sabah ketinggalan di belakang dalam soal peruntukan untuk pendidikan adalah tidak benar," kata Datuk Seri Anwar.

Sabah getting the biggest grant: Anwar

KUNDASANG, Fri. — The \$70.6 million allocation for secondary school-level education projects in Sabah this year is the biggest for any state in the country, Education Minister Anwar Ibrahim said today.

This, coupled with the fact that the overall allocation for Sabah this year totalled nearly \$106 million, disproved claims that the state was left behind in allocations for education, he said.

The allocation was in line with his ministry's policy of distributing funds in such a way as to ensure that rural and interior areas had basic educational facilities, he said.

Encik Anwar was speaking to reporters after inspecting projects under his ministry in the Ranau district.

This morning, Encik Anwar had an informal meeting with participants of a course and visited the Ranau Religious Secondary School project costing \$9.72 million and Sekolah Menengah Kebangsaan Mat Salleh.

Encik Anwar directed the project contractor to complete phase one of the project this year so that it could take in students next year.

Financial constraints and bad weather conditions had been hampering the project which started in May 1984.

The project comprises three blocks of classrooms (three-storey), four hostel blocks for boys (three-storey) and two for girls, three blocks of flats for teachers (five-storey) and other basic facilities. The project is now 65 percent completed.

Encik Anwar also said Sekolah Mat Salleh had become overcrowded with more than 2,000 pupils.

He said the state Education Department would speed up the construction of several secondary schools in the Ranau district to ease congestion in the existing school.

On his meeting with the course participants, Encik Anwar said he had directed headmasters to monitor the progress of teachers and students and ensure quality education and discipline.

They should also ensure the cleanliness of the surroundings of their schools, he said.

"I have given the mandate to headmasters to supervise the work of teachers under their charge to ensure there is better order," he said.

Replying to a question on the problem of glue-sniffing among certain students in Sabah, Encik Anwar said he had received a report on such cases.

Headmasters had been directed to explain to students the danger of such acts and to take firm measures to overcome the problem.

Last night, he attended a state government reception and held informal discussions with Sabah political leaders.

He, however, declined to go into details about his discussions.

Encik Anwar was accompanied by Minister in the Prime Minister's Department Kassiah Gadam, Deputy Director-General of Education Haji Omar Mohamad Hashim, Sabah Education Director Mahpor Baba and Kundasang Assemblyman Ewon Eban.

Encik Anwar called on Yang Dipertua Negeri Tan Sri Haji Mohd Said Keruak and Puan Sri Hajah Bandong Hasbollah at the Istana in Kota Kinabalu. He left for Kuala Lumpur this evening — Bernama.

Perkara 16: **PERLINDUNGAN PERLEMBAGAAN**

"KERAJAAN PUSAT TIDAK BOLEH MEMBUAT SEBARANG PINDAAN, MENGUBAHSUAI ATAU MENARIK BALIK MANA-MANA PERLINDUNGAN KHAS YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA BORNEO UTARA TANPA PERSETUJUAN KERAJAAN BORNEO UTARA. KUASA MEMINDA PERLEMBAGAAN NEGERI BORNEO UTARA ADALAH HAK MUTLAK RAKYAT NEGERI ITU."

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Para penggubal Perlembagaan Malaysia telah membuat kesilapan dan kesilapan ini telah mengakibatkan perlindungan-perlindungan perlembagaan untuk Sabah dan Sarawak yang dipersetujui dalam IGC dan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, kurang berkesan.

Pindaan kepada Perlembagaan Malaysia memerlukan dua pertiga undi Parlimen. Tetapi soal-soal yang menyentuh hak kerajaan negeri, pindaan boleh dibuat dengan persetujuan kerajaan negeri yang berkenaan (pihak eksekutif). Pindaan tidak perlu dipersetujui oleh dua pertiga undi DUN.

Maka itu, dibawah Perlembagaan Malaysia sekarang ini, perlindungan kepada hak kerajaan negeri adalah bergantung kepada kekuatan kerajaan negeri yang berkuasa pada waktu itu (kekuatan peribadi ketua menteri).

ULASAN:

Walaupun pindaan kepada hak kerajaan negeri memerlukan persetujuan dua pertiga undi DUN (wakil-wakil rakyat dalam Dewan Undangan negeri), seperti yang disarankan oleh golongan yang tertentu namun corak kedudukan politik negeri Sabah, iaitu dalam soal perlindungan perlembagaan, tidak akan berbeza dari apa yang berlaku selama ini dan pada masa akan datang.

Ini adalah disebabkan oleh dasar sistem politik yang kita amalkan sekarang, dimana *back-benchers* DUN dari parti memerintah terpaksa mengundi memihak kerajaan dalam semua urusan kerajaan dalam DUN. Sesiapa *back-benchers* yang ingkar dengan amalan *following the parti line* (mengikut kehendak parti) akan menghadapi risiko tindakan politik dari ketua partinya, atau mesti meletakkan jawatan atau keahliannya.

Umpamanya, sewaktu membentangkan Rang Undang-Undang Penyerahan Pulau Labuan kepada Wilayah Persekutuan, walaupun banyak wakil-wakil rakyat parti BERJAYA yang tidak bersetuju secara peribadi (termasuk Datuk Pairin) terhadap penyerahan tersebut, tetapi mereka terpaksa mengundi untuk menyokong rang undang-undang itu. (Datuk Pairin tidak hadir semasa undi diambil di dalam DUN tetapi beliau kemudiannya menyokong rang undang-undang itu melalui surat.)

Dalam erti kata yang lain, wakil-wakil rakyat terpaksa taat kepada presiden partinya dan mesti akur dengan saranan dan kehendak ketua menterinya. Datuk Harris menghendaki supaya Pulau Labuan diserahkan kepada Wilayah Persekutuan, maka setelah kabinetnya bersetuju, ahli-ahli DUN BERJAYA terpaksa bersetuju.

Sama ada perlindungan perlembagaan kepada hak negeri Sabah itu boleh terhapus dengan "persetujuan" kerajaan negeri atau dengan persetujuan dua pertiga undi DUN adalah persoalan yang tidak penting bagi rakyat Sabah. Yang lebih penting ialah mandat yang diberi oleh rakyat itu tidak disia-siakan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan negeri dengan mengikut hawa nafsu dan kehendaknya sendiri tanpa menghiraukan kepentingan dan keselamatan rakyat.

Sejak merdeka kerajaan Malaysia sudah pun menunaikan tanggung-jawapnya kepada rakyatnya di negeri Sabah dengan sebaik mungkin. Sebagai negara yang baru saja merdeka, kekurangan-kekurangan dan kesilapan awal, tidak boleh tidak memang berlaku juga, seperti kata pepatah, "bumi mana yang tidak ditimpah hujan dan lautan mana yang tidak bergelora."

PBDS mungkin pecat Ahli Parlimen Baram

MIRI, Ahad — Ahli Parlimen Baram, Harrison Ngau, menghadapi kemungkinan dipecat daripada Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) berikutan tindakannya tidak menyokong Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan 1992) di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti itu dipengerusikan présidennya, Datuk Leo Moggie, di sini semalam memutuskan menghantar surat tunjuk sebab kepada Ngau mengapa tindakan disiplin tidak boleh

diambil terhadapnya ekoran peristiwa itu.

Setiausaha Eksekutif PBDS, Sidi Munan, berkata surat yang ditandatangani Setiausaha Agungnya, Datuk Edmund Langgu, itu dihantar melalui faksimili ke Kuala Lumpur malam tadi.

"Ngau diberi tempoh 30 hari mulai tarikh penerimaan notis itu untuk memberi jawapan bertulis," katanya kepada pemberita di majlis makan malam sempena mesyuarat CWC itu di sini, malam tadi.

Dalam pengundian sele-

pas bacaan kali ketiga pada sidang Dewan Rakyat di Kuala Lumpur 21 Oktober lalu, Rang Undang-Undang itu diluluskan dengan 123 undi menyokong, 34 menentang dan seorang berkecuali.

Dewan Rakyat memerlukan sekurang-kurangnya 120 undi bagi mendapatkan majoriti dua pertiga.

Rang Undang-Undang itu bertujuan menambahkan 12 lagi Kawasan Parlimen. Semua lapan Ahli Parlimen PBDS menyokong kecuali Ngau mengambil pendirian berkecuali.

Berita dalam keratan akhbar dibawah ini
adalah contoh klasik apabila seorang
ahli tidak ikut "haluan" partinya.

Perkara 17: **PERWAKILAN DALAM PARLIMEN PERSEKUTUAN**

"INI HENDAKLAH MENGAMBIL KIRA BUKAN SAJA JUMLAH PENDUDUK BORNEO UTARA TETAPI JUGA SAIZ DAN POTENSINYA DAN DALAM APA KEADAAN PUN TIDAK HARUS KURANG DARIPADA SINGAPURA."

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Perwakilan Sabah dalam Parlimen sebanyak 20 orang ahli adalah selaras dengan kehendak Perkara 17 ini. Tetapi, oleh kerana penandatanganan Perjanjian Malaysia terdiri daripada empat buah negeri iaitu Malaya, Singapura, Sabah dan Sarawak, maka adalah sebaik-baiknya kalau syarat ini dikaji semula, setelah Singapura menarik diri dari Persekutuan Malaysia.

Syarat ini mesti dikaji bersama-sama dengan janji-janji dan syarat-syarat lain untuk memberi pengesahan kepada Perjanjian Malaysia. Kajian ini hendaklah dibuat serta-merta, kalau Malaysia, sebagai sebuah negara persekutuan, hendak diteruskan sebagai persekutuan yang sah.

ULASAN:

Keputusan untuk memisahkan Singapura dari Persekutuan Malaysia telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada 9hb Ogos 1965. Dan sudah tentu pada waktu itu ada Ahli-Ahli Parlimen dari Sabah yang menghadiri persidangan. Ini bermakna Sabah telah bersetuju untuk "melepaskan" Singapura dan pada masa yang sama "mengesahkan" Perjanjian Malaysia mulai dari tarikh itu tanpa Singapura.

Kalau golongan yang tertentu ini berpendapat bahawa dengan terkeluarnya Singapura dari Malaysia, persekutuan Malaysia itu tidak sah lagi kerana perjanjian pembentukan negara Malaysia itu ditandatangani oleh empat buah negeri, maka kita juga boleh mendakwa bahawa kerajaan PBS sekarang ini juga tidak sah. Ini adalah kerana sistem demokrasi dan

pilihanraya yang telah meletakkan PBS ditempatnya sekarang ini adalah hasil dari Perjanjian Malaysia itu.

BAB 18

Perkara 18: GELARAN KETUA NEGARA

"YANG DI PERTUA NEGARA"

DAKWAAN PENYELEWENGAN:

Gelaran ketua negeri Sabah sekarang ialah Yang di Pertua Negeri. Manakala Perkara 18 dan dalam lapuran IGC, nama yang disebut ialah Yang di Pertua Negara. Penggunaan perkataan "Negara" oleh pemimpin-pemimpin yang merundingkan kemasukan Sabah dalam Malaysia, mencerminkan pemikiran mereka yang menganggap bahawa kemerdekaan menerusi Malaysia itu membawa makna bahawa Sabah itu akan mempunyai status sebagai kerajaan autonomi. Atas sebab ini, bolch dikatakan bahawa Sabah itu adalah sebagai sebuah "negara" sewaktu menyertai Persekutuan.

Perkara ini telah digantikan dalam Perlembagaan Malaysia pada tahun 1976 dan ini adalah merupakan penyelewengan kepada Syarat 18.

ULASAN:

Sebutan "Negara" dan "Negeri" sememangnya membawa makna yang berlainan. Sebelum Sabah merdeka melalui Malaysia statusnya sebagai wilayah yang bersendirian, memang patut dipanggil sebagai "Negara."

Tetapi apabila Sabah telah sah sebagai anggota Persekutuan Malaysia, maka statusnya sebagai "Negara" itu terluat secara automatik kerana dalam sistem persekutuan, anggota-anggotanya dipanggil sebagai "negeri" dan persekutuan negeri-negeri anggota itu secara sekumpulan dipanggil sebagai "negara".

Maka, atas sebab itulah kerajaan Malaysia menukarkan gelaran ketua negeri Sabah kepada Yang di Pertua Negeri, kerana dengan mengekalkan gelaran itu, ini bermakna Sabah itu adalah sebuah negara di dalam

Malaysia. Dan tidak pernah pun berlaku di mana-mana di dunia ini, sebuah negara wujud dalam sebuah negara.

Mungkin golongan tertentu ini lebih suka kalau Sabah berada di luar Malaysia, sebab itulah mereka menyarankan untuk mengekalkan gelaran asal dalam Perkara 18.

BAB 19

Perkara 19: NAMA NEGERI

SABAH

KOMEN:

Nama ini dipersetujui oleh IGC dan dalam Perjanjian Malaysia.

BAB 20

Perkara 20: TANAH, HUTAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN LAIN-LAIN

"PERUNTUKAN DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BERHUBUNG DENGAN KUASA MAJLIS TANAH NEGARA TIDAK HARUS MERANGKUMI BORNEO UTARA; MAJLIS KEBANGSAAN BAGI KERAJAAN TEMPATAN JUGA TIDAK HARUS MERANGKUMI BORNEO UTARA."

KOMEN:

Golongan yang tertentu ini mengakui bahawa tidak ada penyelewengan dalam hal ini setakat ini. Kuasa-kuasa ini adalah di bawah bidangkuasa kerajaan negeri.

KESIMPULAN

Berlandaskan atas ulasan-ulasan yang dibentangkan di atas, adalah tidak keterlaluan kalau kita rumuskan bahawa dakwaan-dakwaan golongan tertentu yang kononnya syarat-syarat kemasukan Sabah dalam Malaysia telah diselewengkan adalah propaganda semata-mata untuk kepentingan politik mereka.

Betapa tidak, daripada 20 syarat-syarat yang dibentangkan di atas, cuma 12 syarat-syarat yang kononnya telah diabaikan oleh kerajaan persekutuan iaitu:

- Perkara 1: AGAMA
- Perkara 2: BAHASA
- Perkara 3: PERLEMBAGAAN
- Perkara 6: IMIGRESEN
- Perkara 8: PEMBORNEOAN
- Perkara 10: WARGANEGERA
- Perkara 11: TARIF DAN KEWANGAN
- Perkara 12: KEDUDUKAN ISTEMEWA KAUM BUMIPUTERA
- Perkara 14: TEMPUH PERALIHAN KUASA
- Perkara 15: PELAJARAN
- Perkara 16: PERLINDUNGAN PERLEMBAGAAN
- Perkara 17: PERWAKILAN DALAM KERAJAAN PERSEKUTUAN

Manakala lapan syarat-syarat lain telah diimpelimentasikan dengan sewajarnya atau tidak ada asas sama sekali untuk dipertikaikan. Syarat-syarat ini ialah:

- Perkara 4: KETUA PERSEKUTUAN
- Perkara 5: NAMA PERSEKUTUAN
- Perkara 7: HAK UNTUK BERPISAH
- Perkara 9: PEGAWAI-PEGAWAI BRITISH
- Perkara 13: KERAJAAN NEGERI
- Perkara 18: GELARAN KETUA NEGARA
- Perkara 19: NAMA NEGERI
- Perkara 20: TANAH, HUTAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN LAIN-LAIN

Tetapi, cara golongan tertentu ini menzahirkan 20 Perkara ini kepada rakyat adalah seolah-olah negeri Sabah telah dijajah oleh Malaya seperti zaman British dahulu.

Kalau kita analisa baik-baik, Perkara 20 ini tidak patut untuk dibincangkan secara umum. Kalau tersilap huraian atau penerangan (apa lagi kalau penerangan itu sengaja dipesungkan), ia boleh menimbulkan tanggapan dan pengertian yang negatif terhadap peranan kerajaan Persekutuan dan jika tidak dibendung, akibatnya akan memudaratkan dan mengancam keamanan Negara.

Adolf Hitler, Diktator German pernah berkata:

"Through clever and constant application of propaganda, people can be made to see paradise as hell, and also the other way round, to consider the most wretched sort of life as paradise."

(Melalui penggunaan propaganda yang pintar dan berterusan, orang boleh dipengaruhi untuk melihat syurga sebagai neraka, dan juga sebaliknya, untuk menganggap keadaan hidup yang paling teruk sebagai syurga).

Kepercayaan Hitler ini telah terbukti dalam berbagai kejadian sejarah, terutama dalam kes propaganda komunis yang mana sebenarnya telah membawa kesengsaraan, bukan kemakmuran seperti yang telah diharapkan.

Contoh yang paling baru dan dekat ialah tingkah laku pemimpin negara Iraq, Sadam Hussein. Atas keangkuhan dan kedegilannya, Perang Teluk telah tercetus. Pada permulaan perang itu, Sadam Hussein telah mendapat pujian dari rakyatnya dan sebilangan banyak orang Islam di seluruh dunia. Kononnya tindakan Sadam Hussein itu mencerminkan kepahlawanan orang Islam. Sadam Hussein telah dianggap sebagai pejuang Islam yang moden kerana berani menentang Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya. Tetapi, beberapa bulan kemudiannya pujian telah menjadi cemuhan. Ekonomi Iraq yang kukuh telah hancur. Kekuatan tenteranya menjadi lemah. Segala rahsia negara Iraq, terutama sekali rahsia kekuatan (dan Kelemahan) tenteranya telah terbongkar dan diketahui oleh dunia.

Sebagai rakyat yang bertanggungjawab kita harus mengambil iktibar dari akibat kesilapan pemimpin-pemimpin negara yang lain, supaya semua gejala buruk yang telah dialami oleh mereka tidak terjadi di negara kita.

Soalnya sekarang ialah, berapa puluh tahunkah Iraq akan dapat membaikpulihkan kedudukannya? Kalau Iraq tidak bersikap seperti jagung yang "semakin berisi semakin tegang" semua ini tidak akan berlaku.

Sehubungan dengan ini, kalau Dr. Jeffrey telah bersikap seperti resmi padi, "semakin berisi semakin tunduk" beliau tidak akan dipenjara demikian lama. Alangkah ruginya bumiputera negeri Sabah terutama sekali bangsa Dusun/Kadazan kerana kehilangan perkhidmatan seorang anak watan yang terpelajar dan berwibawa begitu lama. Kalau Dr. Jeffrey telah menyalurkan tenaga dan pemikirannya melalui landasan politik yang bersikap sederhana, nasibnya tentu sekali akan berlainan dengan apa yang dialaminya sekarang.

Seorang individu seperti Dr. Jeffrey tidak perlu bersikap seperti Nelson Mandela, kerana sistem politik negara Malaysia bukannya sistem aparteid seperti di Afrika Selatan. Bangsa Dusun/Kadazan, Murut, Rungus, Lundayeh dan bumiputera lain yang bukan beragama Islam di Sabah tidak ditindas seperti apa yang dibuat oleh rejim Afrika Selatan terhadap rakyatnya yang berkulit hitam.

Tindak-tanduk Nelson Mandela, yang telah mengakibatkan dirinya dipenjara berpuluh-puluh tahun adalah gagasan politik kulit hitam yang secocok dengan keadaan perskitaran politik Afrika Selatan. Kerana cuma dengan cara itu sahajalah perjuangan mereka boleh berhasil.

Tetapi, bagi bumiputera bukan Islam di Sabah, apa lagikah yang hendak diperjuangkan oleh Dr. Jeffrey? Bukankah kedudukan bumiputera bukan Islam dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya adalah lebih tinggi berbanding dengan kedudukan bumiputera Islam?

Sewaktu pemerintahan USNO, bukannya Tun Mustapha dan pengikut-pengikutnya telah berkongsi kuasa dengan allahyarham Tun Fuad, mendiang Datuk Peter Mojuntin dan pengikut-pengikut mereka dari suku Dusun/Kadazan?

Begitu juga sewaktu pemerintahan BERJAYA, bukankah Datuk Harris dan penyokong-penyokongnya telah berkongsi kuasa dengan Datuk Dr. James Ongkili serta Tan Sri Suffian Koroh dan pengikut-pengikut mereka?

PBS kini telah berkuasa di negeri Sabah sejak tahun 1985. Apa lagikah yang dikehendaki oleh Dr. Jeffrey; bukankah abangnya Datuk Joseph Pairin Kitingan telah menjadi ketua menteri dan dia sendiri memegang kuasa di Yayasan Sabah dan lebih kurang 30 buah anak syarikat Innoprise Holdings Sdn. Bhd.? Adakah kuasa-kuasa ini belum cukup untuk Dr. Jeffrey?

Kalau Dr. Jeffrey fikir bahawa kerajaan USNO dan BERJAYA dahulu telah membuat kesilapan, bukankah sekarang ini merupakan peluang yang terbuka luas untuk PBS untuk memperbaiki kesilapan-kesilapan itu? Malangnya, cara Dr. Jeffrey membaiki kesilapan pemimpin-pemimpin USNO dan BERJAYA dahulu mirip kepada stail "tikus yang membaiki labuh". Bukan itu sahaja, Dr. Jeffrey telah lupa maksud pepatah Melayu, yang berbunyi "seperti timun dengan durian, mengolek luka digolek pun luka."

Sebagai bukti bahawa kedudukan bumiputera bukan Islam adalah lebih tinggi daripada bumiputera Islam setelah PBS memerintah, di bawah ini disenaraikan beberapa Jadual:

JADUAL A

BARISAN PEMIMPIN PBS (1987/1988)

NAMA	KEDUDUKAN/JAWATAN	BANGSA
Datuk Pairin	Presiden	Dusun/Kadazan
Robert Evans	Timbalan Presiden	Dusun
Hj. Wahid Othman	Timbalan Presiden	Melayu/Islam
Chau Tet On	Timbalan Presiden	Cina
Mark Koding	Naib Presiden	Dusun
Tan Kit Sher	Naib Presiden	Cina
Clerence Bongkos	Naib Presiden	Kadazan
Kadoh Agondong	Naib Presiden	Murut
Kasitah Gadam	Naib Preseden	Dusun/Islam
Wilfred Bumburing	Ketua Pemuda	Dusun/Kadazan
Ariah Tengku Ahmad	Ketua Wanita	Kadazan/Islam

Joseph Kurup	Setiausaha Agung	Dusun
Ahmad Bahrom	Penolong SUA.	Melayu
Bernard Dompok	Bendahari Agung	Kadazan
Wong Phin Chung	Penolong BA	Cina
Lawrence Gimbang	Ketua Penerangan	Dusun
Yong Teck Lee	Penolong KP	Cina
Mathius Majihi	Ahli Majlis Tertinggi	Rungus
Ewon Ebin	Ahli Majlis Tertinggi	Dusun
James Vitalis	Ahli Majlis Tertinggi	Kadazan
Steven Kutai	Ahli Majlis Tertinggi	Kadazan
P.K. Lau	Ahli Majlis Tertinggi	Cina
Wences Angang	Ahli Majlis Tertinggi	Kadazan
Cladius Sundang Alex	Ahli Majlis Tertinggi	Kadazan
Bullah Ganggal	Ahli Majlis Tertinggi	Dusun
Lajim Haji Okin	Ahli Majlis Tertinggi	Melayu
Jabar Khan Napi	Ahli Majlis Tertinggi	Melayu
Moktani Haji Lawi	Ahli Majlis Tertinggi	Melayu
Mohammad Din Ketapi	Ahli Majlis Tertinggi	Melayu
Joseph Chia	Ahli Majlis Tertinggi	Cina
Adib Sigoh	Ahli Majlis Tertinggi	Murut/Islam
Joseph Saang	Ahli Majlis Tertinggi	Dusun
Lee Sen	Ahli Majlis Tertinggi	Cina
Kalakau Untol	Ahli Majlis Tertinggi	Dusun
Saman Gulam	Ahli Majlis Tertinggi	Melayu
James Ku	Ahli Majlis Tertinggi	Cina
Baggai Basirun	Ahli Majlis Tertinggi	Dusun
Saibul Supu	Ahli Majlis Tertinggi	Dusun

Daripada 38 orang jumlah ahli-ahli majlis tertinggi parti PBS, didapati 23 orang atau 64% berbangsa Kadazan/Dusun/Rungus/Murut (3 orang daripada 23 orang ini beragama Islam); 8 orang atau 20% Melayu dan 7 orang atau 18% Cina.

JADUAL B

BARISAN AHLI KABINET PBS (1987/1988)

KEMENTERIAN	NAMA MENTERI	BANGSA
Ketua Menteri	Datuk Pairin	Kadazan
Timbalan K. Menteri/ Perindustrian	Mark Koding	Dusun
Timbalan K. Menteri/ Pertanian dan Perikanan	Chau Tet On	Cina
Timbalan K. Menteri/ Kerajaan Tempatan dan Perumahan	Ahmad Bahrom	Melayu
Kewangan	Bernard Dompok	Kadazan
Perhubungan dan Kerjaraya	Joseph Kurup	Dusun
Kebudayaan, Belia dan Sukan	Kadoh Agunding	Murut
Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar	Tan Kit Sher	Cina
Perkhidmatan Sosial	Ariah Tengku Ahmad	Kadazan/Islam
KEMENTERIAN	NAMA PEMBANTU MENTERI	BANGSA
Ketua Menteri	Wilfred Bumburing	Dusun/Kadazan
	Lajim Okin	Islam
	Wong Phin Chung	Cina
Perindustrian dan Pembangunan Luar Bandar	Mohammaddin Ketapi	Melayu
Kerajaan Tempatan dan Perumahan	Yong Teck Lee	Cina
Pertanian dan Perikanan	James Vitalis	Kadazan
Kewangan	Steven Kutai	Kadazan
Perhubungan dan Kerja Raya	Mathius Majihi	Rungus
Pelancongan dan Alam Sekitar	Bagai Basirun	Dusun
Perkhidmatan Sosial	Adib Sigoh	Murut
Kebudayaan, Belia dan Sukan	Tan Yong Gee	Sino-Dusun

JADUAL C

STRUKTUR SETIAUSAHA POLITIK KEMENTERIAN (1987/1988)

KEMENTERIAN	NAMA	BANGSA
Ketua Menteri:	John Angian	Kadazan
	Robert Minggir	Dusun
	Gisin Lombut	Dusun
	Joseph Saang	Dusun
Perindustrian dan Pembangunan Luar Bandar	Juhar Haji Mahiruddin	Melayu
	Siringan Gubat	Dusun
Kerajann Tempatan dan Perumahan	Dahik Masdik	Melayu
	Alex Martin	Dusun
	Hussein Aman	Melayu
Pertanian dan Perikanan	Yong Peck Fong	Cina
	Abel Anggan	Kadazan
	Sylvester Sidon	Kadazan
Perkhidmatan Sosial	Nancy Mojuntin	Kadazan
	Patrick Sindu	Kadazan
	Fung Wing Nyuk	Cina
Pelancongan dan Alam Sekitar	Daniel John	Kadazan
	Henry Hung	Cina
Perhubungan dan Kerja Raya	Jabar Khan Napi	Melayu
	Saibul Supu	Dusun
	Peter Saili	Kadazan
Kebudayaan, Belia dan Sukan	Mifli Mohd. Nor	Melayu
	Frankie Chong	Cina
Kewangan	Naratin Sagidon	Dusun
	George Talasai	Kadazan
	Michael Porong	Kadazan

JADUAL D

JAWATAN STRATEGIK DI BADAN-BADAN BERKANUN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN (1987/1988)

BADAN-BADAN BERKANUN	NAMA	BANGSA
Lembaga Pelabuhan SAFMA	Wences Anggan	Kadazan
Lembaga Perumahan SAFODA	Chau Tet On	Cina
Lembaga Sukan Permodalan Bumiputera S.F.I.	P.K. Lau	Cina
Sabah Credit Corporation	Wilfred Bumburing	Dusun/Kadazan
Lembaga Tabung Getah Ko-Nelayan	Ghani Rashid	Melayu
B.F.O.	Ewon Ebin	Dusun
C.D.C.	Clerence Bongkos	Kadazan
Car Pool System	Chong On Tet	Cina
Yayasan Sabah L.K.T.N.S. (SLDB)	Saibul Supu	Dusun
Sabah Development Bank	Abas Ali	Melayu
Sabah Bank	Laimun Laikim	Kadazan
Sabah Marketing (SAMA) dan Kojasa Holdings	Cladius Sundang Alex	Kadazan
SEDCO	Augustine Ting	Cina
SUDC	Dr. Jeffrey Kitingan	Kadazan
K.P.D.	Robert Evans	Dusun
	Simon Sipaun	Kadazan
	Jeffrey Kitingan	Kadazan
	Hassan Alban	Melayu
	Mark Koding	Dusun
	Tham Nyip Shen	Cina
	Felix Golinggi	Kadazan
JAWATAN STRATEGIK	NAMA	BANGSA
M.P.S.	Wilfred Linggam	Kadazan
M.P.K.K.	Peter Chong	Cina
Pengarah Perjawatan Setiausaha Kerajaan Negeri	Jipanus Molukun	Kadazan
Setiausaha Hasil Bumi	Saimon Sipaun	Kadazan
Peguam Negeri	William Shim	Cina
Pengarah Jabatan Hutan	Josie Bosie	Kadazan
	Miller Munang	Kadazan

Pengarah Tanah dan Ukur Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Aron Liew Richard Lind	Cina Kadazan
---	-------------------------------	---------------------

Sepertimana yang kita nampak dari data-data di dalam Jadual A, B, C dan D di atas, penyertaan bumiputera Islam dalam Barisan Pemimpin Parti PBS ialah cuma 16.5%; di dalam Barisan Ahli Kabinet 13%; Struktur Pembantu Menteri 20%; Struktur Setiausaha Politik Kementerian 20% dan Struktur Badan-Badan Berkanun dan Jawatan Strategik 14%

Manakala jumlah kesemua penyertaan bumiputera Islam dalam Kabinet dan jawatan-jawatan lain ialah 18%.

Kalau statistik ini diterima sebagai fakta, maka perjuangan Dr. Jeffrey, yang kononnya untuk kepentingan bumiputera di Sabah khususnya bumiputera bukan Islam, merupakan suatu perjuangan yang boleh disifatkan sebagai perjuangan pemimpin pelampau dan tamak.

Saya percaya, majoriti rakyat negeri Sabah tidak setamak Dr. Jeffrey dan tidak akan terpengaruh oleh propagandanya dan kalau tanggapan ini tepat maka perjuangan Dr. Jeffrey selama ini sia-sia sahaja. Walau bagaimanapun, Dr. Jeffrey dan pengikut-pengikutnya tidak seharusnya berputus asa. Beliau boleh mengkaji semula dasar perjuangannya. Kata orang, kalau sesat di-hujung jalan, baliklah ke pangkal jalan. Kalau Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas tahanan di bawah ISA, sekarang ini boleh duduk semaja dengan Dr. Mahathir dan salah seorang bakal pewaris pucuk pimpinan UMNO, tidak ada sebab kenapa Dr. Jeffrey tidak boleh menjadi pemimpin yang dihormati dan disegani, sekiranya beliau menukar arah perjuangannya.

Kalaupun misalnya kerajaan Persekutuan telah menyelewengkan syarat-syarat Sabah masuk Malaysia, pemimpin-pemimpin masyarakat di Sabah seharusnya mengatasi masalah ini dengan fikiran yang rasional dan terbuka. Pemimpin, kata orang, datang dan pergi tetapi rakyat tetap ada. Maka itu setiap tindakan yang dibuat oleh pemimpin hendaklah dibuat dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan bukan kepentingan peribadi.

Lihat sahajalah keadaan negeri Sarawak sekarang ini. Kalau dahulu negeri Sabah sentiasa mendahului Sarawak dalam semua bidang terutama sekali dari segi pembangunan, kini Sarawak telah jauh berada di hadapan kita. Kenapa?

Kalau kita meminta sebuah universiti kita tidak dilayan, tetapi kalau Sarawak yang meminta permintaan itu diluluskan. Kenapa?

Pernahkah kita mendengar pemimpin-pemimpin negeri Sarawak bersuara lantang seperti kerajaan PBS sekarang? Tiada, bukan? Tetapi kenapa permintaan mereka dilayan?

Bukankah syarat-syarat kemasukan Sarawak ke dalam Malaysia adalah serupa dengan Sabah? Pernahkah kita dengar pemimpin-pemimpin Sarawak mengungkit syarat-syarat kemasukan mereka dalam Malaysia dengan lantang? Tiada, bukan?

Sejak kebelakangan ini macam-macam reaksi yang kita dengar dari pelbagai pihak terhadap saranan Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, untuk mengkaji semula keistimewaan rakyat Sabah seperti yang terkandung dalam Perkara 20.

Ada yang menyarankan supaya pungutan suara atau *referandum* diadakan dan ada pula yang mencadangkan supaya isu ini dijadikan sebagai satu daripada minifesto parti-parti yang akan bertanding dalam pilihanraya yang akan datang. Pendapat ini adalah pendapat pemimpin-pemimpin PBS. Apakah hasilnya yang rakyat Sabah akan nikmati sekiranya pungutan suara diadakan dan dimenangi oleh kerajaan PBS? Akan wujudkah hubungan baik di antara Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur setelah pungutan suara itu diadakan? Atau hubungan akan bertambah renggang lagi kerana sewaktu berkempen nanti untuk menentukan siapa yang akan menang, banyak perkataan-perkataan menyinggung perasaan yang akan dilimparkan oleh kedua-dua pihak.

Bukankah lebih baik kalau PBS dan Barisan Nasional Sabah duduk semeja dengan pemimpin-pemimpin Kuala Lumpur untuk berunding mengenai permasalahan ini?

Permintaan kerajaan Sarawak kepada Kuala Lumpur diperkenankan kerana PBB, SUPP, SNAP dan PDBS kesemuanya komponen Barisan Nasional. Kenapakah kita tidak mengambil iktibar dan mencontohi cara kerajaan Sarawak mengatasi masalahnya dengan Kuala Lumpur?

Kecuali kaum-kaum bumiputera Islam, bukan Islam dan Cina di negeri Sabah bersatu, sebarang permintaan yang dianggap oleh Kuala Lumpur sebagai melebihi batas tidak akan mendapat layanan. Tekanan dari pihak PBS sahaja tidak akan dapat menundukkan Kuala Lumpur dan pemimpin-pemimpin PBS harus insaf dan sedar dengan kenyataan ini.

Pendek kata, segala permintaan kerajaan Sarawak yang dikemukakan di Kuala Lumpur mendapat layanan dengan sewajarnya. Ini adalah kerana **HUBUNGAN KUCHING DAN KUALA LUMPUR ADALAH BAIK.**

Maka dengan itu kalau kita mahu berjaya seperti negeri Sarawak kita mesti mencontohi sifat pemimpin-pemimpinnya yang tidak pelampau dan tamak. Kata orang "orang tamak selalu rugi, macam anjing dengan bayang-bayang." Rakyat negeri Sabah sememangnya sudah cukup waras untuk menilai kewibawaan setiap kerajaan seperti yang telah kita lihat dalam pilihanraya umum 1974 dan pilihanraya umum 1985. Sama-samalah kita tunggu dan lihat keputusan pilihanraya yang akan datang.

When I have to listen to
somebody from one of those
American "think tanks," I
cannot help remembering the
verdict of Tao Te Ching:

EXTREME
CLEVERNESS
IS AS BAD AS
STUPIDITY.

— J.B. Priestley

Petikan dari

K. Das, *The Things They Say About Politicians*,
K. Das Ink, Kuala Lumpur, 1987, no. 184